

Mhi  
Sejak 1982

ملک هاری این  
**MELAKA HARIINI**



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (tengah) menerima Buku Bajet 2022 Negeri Melaka yang disampaikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari (kanan). Turut bersama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts Kamel Mohamad (kiri).

# #Bajet2022NegeriMelaka Inklusif, mesra rakyat



- Kesejahteraan rakyat fokus Bajet 2022
- 3 fokus utama termasuk mengukuhkan ekonomi dan tadbir urus yang lebih cekap
- Hasil kerajaan negeri untuk 2022 dijangka melebihi sasaran
- Lebih daripada RM25 juta untuk bantu golongan miskin dan B40
- Souq Subuh (pasar subuh) akan diwujudkan untuk jualan dengan harga berpatutan
- Berita baik untuk pejawat awam negeri Melaka
- Bayi yang lahir pada 27 Disember 2021 layak terima bantuan one-off RM150

2,3,4,5,6,7

# DUN lulus Bajet 2022

**SERI NEGERI** – Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka meluluskan Bajet 2022 Negeri Melaka pada Persidangan Pertama (Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Ke-15 Tahun 2021, 27 Dislalu.

Bertemakan 'Stabil Melaka, Makmur Bersama', bajet itu telah dibentangkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Bajet inklusif kali ini menumpukan kepada tiga fokus utama iaitu kesejahteraan rakyat, kemampunan ekonomi dan kecekapan tadbir urus.

Dalam undian selepas ucapan pengulungan bajet tersebut, ia telah mendapat sokongan daripada seramai 15 ahli, manakala enam berkecuali dan tujuh tidak hadir.

Bajet Melaka 2022 disifatkan sebagai serampang banyak mata, khusus dalam memfokuskan kepada pemuliharaan ekonomi dan mengotakkan sebahagian aku janji 100 hari dan maksimum lima tahun manifesto pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov lepas.

Bajet kali ini juga menyediakan pelbagai inisiatif kebajikan ra-



**SULAIMAN** membentangkan Bajet 2022 Negeri Melaka pada Persidangan Pertama (Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Melaka Ke-15.

kyat demi kesejahteraan semua golongan masyarakat tanpa ada yang terkecuali atau tertinggal.

Untuk kali ke-18 berturut-

turut, bajet kali ini turut dicatatkan sebagai bajet (*surplus*) atau bajet lebih dengan memperuntukkan anggaran perbelanjaan

mengurus berjumlah RM427.92 juta dan jangkaan kutipan hasil berjumlah RM428.91 juta.

Menurut Sulaiman, per-

belanjaan mengurus itu merangkumi Maksud Tanggungan dianggarkan berjumlah RM10.48 juta manakala bagi Maksud Bekalan sebanyak RM417.44 juta.

Manakala, anggaran perbelanjaan pembangunan pulia sebanyak RM80 juta iaitu melibatkan sumber hasil negeri sebanyak RM56.36 juta dan pemberian Geran Tahap oleh kerajaan persekutuan sebanyak RM23.64 juta.

Tambah Sulaiman, walaupun negara masih berdepan cabaran pandemik COVID-19, kerajaan negeri telah berjaya mencapai sekurang-kurangnya dua kejayaan pada 2021.

Kejayaan itu termasuklah, meningkatkan rizab negeri sebanyak RM15.969 juta di bawah Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka, berbanding RM960,000 pada tahun 2020.

Selain itu, Melaka juga berjaya mencapai 102.71 peratus kutipan hasil bernilai RM458.03 juta, melebihi daripada sasaran asal RM445.96 juta pada 2021.



KERAJAAN negeri memperuntukkan RM200,000 bagi pembelian bot sebagai persediaan awal membantu mangsa banjir.

## Penjawat awam Melaka terima bantuan khas setengah bulan gaji

**SERI NEGERI** – Penjawat awam di negeri ini akan menerima bantuan khas kewangan setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, bantuan khas melibatkan implikasi kewangan RM6.63 juta itu akan dibayar pada Jan dan Apr 2022.

"Semoga dengan imbuhan ini semua penjawat awam lebih komited dalam tugas masing-masing dan meningkatkan mutu penyampaian kepada rakyat," katanya dalam pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka 27 Dislalu.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, dalam

menghargai jasa penjawat awam dan petugas barisan hadapan, kerajaan negeri turut menyediakan inisiatif lain berbentuk kursus dan latihan serta diskawna.

Antaranya, menyediakan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi penjawat awam Melaka mengikuti kursus profesional jangka pendek dengan badan-badan latihan yang diliktiraf.

Selain itu, kerajaan juga menawarkan diskaun 10 peratus bagi kemasukan ketempat dan kemudahan pelancongan di Melaka serta diskaun bagi bayaran rawatan di Putra Specialist Hospital.

## Melaka cadang beli bot untuk misi bantuan banjir

**SERI NEGERI** – Kerajaan Melaka memperuntukkan sebanyak RM200,000 sebagai persediaan awal misi membantu mangsa banjir di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, peruntukan itu akan digunakan bagi membeli lengkap termasuk bot dalam misi bantuan awal untuk menyelamatkan mangsa banjir.

"Kerajaan Negeri turut bersimpati dan melahirkan rasa dukacita, di atas bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini, sehingga menyebabkan beberapa buah negeri ditenggelami air dan rakyatnya memerlukan bantuan segera.

"Negeri kita pun tidak terkecuali. Saya bersama dengan wakil rakyat, berserta pelbagai agensi Kerajaan berkai-

tan, telah turun padang, mengambil tinjakan segera dalam membantu mereka yang terjejas akibat bencana banjir yang berlaku baru-baru ini.

"Sebagai tindakan permulaan dan persediaan bagi menghadapi musibah banjir akan datang, Kerajaan Melaka, akan membeli bot bagi misi menyelamat mangsa-mangsa banjir di negeri ini, dengan peruntukan sebanyak RM200,000," katanya dalam ucapan pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka, 27 Dislalu.

Dalam pada itu, Sulaiman turut merakamkan penghargaan kepada jasa

dan pengorbanan 'Abang Viva' yang menjalankan misi membantu mangsa banjir di beberapa lokasi di negara ini.

"Kita tersentuh hati dengan Azwan Omar, atau lebih glamour dengan nama 'Abang Viva' yang menjadi tular apabila dia yang bekerja sebagai operator mesin mengambil cuti pada majikan demi meredah banjir menyelamatkan mangsa banjir di Shah Alam dengan berbekalkan RM50.

"Kita ucapkan tahniah dan penghormatan kepada 'hero' orang Melaka ini," katanya.

**“Pada nura ni he mah say a, Tuan Yang Te ruta ma, Tun Se ri Se tia, bukan se ka da r la ksa na pa yung ber kembang me na un gi se isi Ne ge ri, bah ka n, turut be rja sa se ba ga i pe nstabil ke pa da krisis pol itik di Ne ge ri Me la ka ...”**

- Ke tua Me nte ri Da tuk Se ri Uta ma Sulaiman Md Ali

### WAKTU SOLAT

Dari pada Abu Hurairah batawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, tidak sesorang tetapi secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian. 03 - 09 Januari 2022 (29 Jamadilawal - 09 Jamadiulakhir 1443H)						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
03 JANUARI 2021	6.03 am	7.16 am	1.18 pm	4.41 pm	7.16 pm	8.31 pm
04 JANUARI 2021	6.03 am	7.17 am	1.18 pm	4.42 pm	7.17 pm	8.31 pm
05 JANUARI 2021	6.04 am	7.17 am	1.19 pm	4.42 pm	7.17 pm	8.32 pm
06 JANUARI 2021	6.04 am	7.18 am	1.19 pm	4.43 pm	7.18 pm	8.32 pm
07 JANUARI 2021	6.05 am	7.18 am	1.20 pm	4.43 pm	7.18 pm	8.33 pm
08 JANUARI 2022	6.05 am	7.18 am	1.20 pm	4.43 pm	7.19 pm	8.33 pm
09 JANUARI 2022	6.06 am	7.19 am	1.21 pm	4.44 pm	7.19 pm	8.33 pm

# Adil, saksama pegangan Ibrahim sebagai Speaker

**SERI NEGERI** - Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Datuk Wira Ibrahim Durum berjanji akan menjalankan tugas dengan berlaku adil dan saksama dan berusaha sebaik mungkin bagi menunaikan tanggungjawab di atas lantikan itu.

"Saya akan berlaku adil dan saksama dalam menjalankan tugas dan sekiranya saya tidak berlaku adil, bermakna saya juga tidak berlaku adil pada rakyat yang telahpun membuat pemilihan di dalam pilihan raya yang lepas."

"Terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli-ahli yang berhormat kerana mengambil keputusan memilih dan berkecuali dalam pelantikan speaker DUN."

"Manakala yang berhormat

ahli-ahli DUN pula saya ambil kesempatan untuk ucap terima kasih dan syabas di atas terpilihnya ahli-ahli yang berhormat mengikut DUN masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada hari pertama dilantik menjadi Speaker DUN Melaka pada Persidangan Pertama (Khas) Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Melaka Ke-15 di Seri Negeri, 27 Dis lalu.

Dalam pada itu, beliau berharap, kesemua barisan ahli DUN perlu memberi kerjasama sepenuhnya bagi menunaikan amanah dan profesional berdasarkan tindak tanduk dan adab yang bertin-

tegriti selaras dengan prinsip sistem demokrasi yang diajukan.

"Ahli-ahli yang berhormat saya harap semua dapat patuhi undang-undang yang ditetapkan dalam sidang DUN se-

masa mengambil bahagian dalam dewan yang mulia ini," katanya lagi.

Terdahulu, Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Speaker DUN Melaka yang baharu selepas menjadi satu-satunya nama yang dicadangkan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan disokong VP Shanmugam (ADUN Gadek).

Pemilihan itu telah menda-

## BAJET 2022 NEGERI MELAKA



IBRAHIM mengangkat sumpah sebagai Speaker DUN Melaka yang baharu. (FOTO: Iqmal Haqim Rosman)

pat sokongan daripada 15 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), sementara lima berkecuali dan lapan orang tidak hadir.

Beliau bukan lagi asing dalam lanskap politik negeri ini. Anak jati Kuala Sungai Baru itu

aktif dalam dunia politik sejak 1985 dan menjadi ADUN pada 1989.

Pada 1990 beliau kemudian dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) untuk tempoh empat penggal sehingga tahun 2004.



DIRA memulakan tugas sebagai Timbalan Speaker DUN Melaka ketika sesi petang perbahasan Bajet 2022 sempena Persidangan Pertama (Khas), Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Ke-15. (FOTO: Iqmal Haqim Rosman)

## Bajet 2022 Melaka mesra semua kaum - Ban Hong

**SERI NEGERI** - Bajet 2022 Negeri Melaka yang dibentangkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, 27 Dis lalu, disifatkan bajet yang menyeluruh dan mesra semua kaum serta etnik di negeri ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang yang juga Pengurus MCA Melaka, Datuk Lim Ban Hong berkata, kandungan bajet itu merangkumi pelbagai aspek dan sektor berlainan yang boleh membantu bukan sahaja negeri bahkan memberi tempias kepada rakyat secara keseluruhan.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, paling utama, bajet yang dibentangkan itu menekankan aspek pemulihan ekonomi yang disifatkan cukup penting selepas negara dan negeri ini berdepan cabaran pandemik COVID-19.

"Bajet ini menyentuh semua aspek pemulihan yang mana ia penting bagi membolehkan negeri ini segera pulih selepas melalui satu episod hitam pandemik



BAN HONG

### COVID-19.

"Usaha memulihkan ekonomi itu penting kerana ia dapat menjamin peluang pekerjaan di negeri ini, selain membuka lebih banyak peluang pekerjaan baharu untuk rakyat yang terkesan sebelum ini."

"Semua ini sekali gus dapat membantu memelihara daya saing negeri Melaka yang mana ia dapat membantu kita menarik pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sel-sai menyempurnakan sesi lafaz ikrar Bebas Rasuah di Seri Negeri, 30 Dis lalu.

Mengulas mengenai lafaz ikrar tersebut, Ban Hong berkata, ia sesiati yang amat penting dalam menjamin aspek kecekapan tadbir urus berintegriti di negeri ini yang turut terkandung dalam bajet yang dibentangkan sebelum ini.

Dengan pentadbiran yang cekap dan berintegriti, katanya, ia dapat memacu Melaka sebagai sebuah negeri mesra pelabur, mesra perniagaan dan mesra rakyat.

## Dira mahu jadi aspirasi wanita muda

**SERI NEGERI** - Pelantikan sebagai wanita pertama dilantik Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka dianggap memberi pembaharuan pada lanskap persidangan itu, kata Datuk Khaidhirah Abu Zahar sebagai.

Khaidhirah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim berkata, pelantikan dirinya memegang jawatan itu adalah mandat dan tanggungjawab besar yang diamanahkan kepadanya.

Justeru, katanya beliau akan menyahut cabaran memegang jawatan itu sekali gus menggalas tanggungjawab dengan adil dan saksama.

"Saya anggap ini satu penghormatan untuk mengangkat pemimpin wanita terutama wanita muda.

**“ Saya sedar lalu berasa insaf bahawa, kua sa yang dia manahka n kepada saya dan ke pim pin Ke raja an ini, buka nla h sua tu Ta synif ia itu ke mulia an, ya ng bole h kita bangga - bangga kan.. ”**

- Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali

"(Pelantikan) ini memberi aspirasi kepada pemimpin wanita muda di luar sana bahawa apa jua kemungkinan, kita boleh perkasakan dengan lebih baik," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata beliau tidak menyangka dilantik sebagai Timbalan Speaker kerana menganggap ramai nama akan dicalonkan pada hari ini.

"Apabila terpilih dan mendapat persejuaan majoriti, ia menunjukkan peluang telah diberi kepada saya dan saya perlu ambil tanggungjawab ini."

"Sebenarnya pelantikan itu lebih kepada peluang untuk memartabatkan, proses mematangkan semua khususnya pemimpin muda," katanya.

## RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 03 JANUARI - 06 JANUARI 2021

Isnin 03/01/2022	Selasa 04/01/2022	Rabu 05/01/2022	Khamis 06/01/2022
Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°

© www.melakahariini.my | Facebook | Instagram | Twitter | Melaka Hari Ini | YouTube | Melaka TV | Sumber: Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) Infografik: Melaka Hari Ini



## STABIL MELAKA MAKMUR BERSAMA

**BAJET  
2022**  
NEGERI MELAKA



### INISIATIF ATASI BANJIR

- Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)
  - RTB Krubong-Durian Tunggal berjumlah RM600 juta
  - RTB Sungai Duyong berjumlah RM163.80 juta
  - RTB Bandar Jasin berjumlah RM60 juta
  - RTB Sungai Melaka Fasa 1 berjumlah RM40 juta
  - RTB Merlimau berjumlah RM36 juta
  - RTB Alor Gajah Fasa 1 berjumlah RM30 juta.
- Projek RTB Krubong-Durian Tunggal adalah Kolam Dwi-Fungsi untuk tebatan banjir dan sumber air yang pertama di Malaysia.
- Penyediaan kajian peta hazard banjir Lembangan Sungai Duyong, berjumlah RM900,000.
- Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Baru, berjumlah RM500,000.
- Projek jangka pendek untuk mengatasi masalah banjir akan dilaksanakan melibatkan kos sebanyak RM25.1 juta menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

### INISIATIF KEBAJIKAN

- Care Sayang - Bantuan Am bulanan RM250 untuk 5,394 penerima.
- Nutrisi Sejahtera B40 - 1,000 kit makanan bagi setiap DUN.
- Care Sejahtera - Pembekalan lampin pakai buang dewasa kepada 2,240 penerima.
- Insurans dan khairat kematian kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Negeri Melaka.
- Care Kolej - RM1,000 kepada anak Melaka yang melanjutkan pelajaran di KUIM dan MiCOST.
- Care Kasih - Bantuan susu kepada pesakit terlantar, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas.
- Care Cekal - Bantuan RM100 seorang kepada ibu tunggal B40.
- Tahfiz Mutu'aliq - RM3,000 untuk 90 Sekolah Tahfiz Melaka berdaftar.
- Musa'adah al-Akhira - Bantuan pengurusan jenazah kepada waris dalam kategori B40.
- Musa'adah 'Imarah - Bantuan RM100 ringgit kepada pegawai syarak seperti imam, noja, bilal, dan pembantu fardhu kifayah.
- Musa'adah Wilada - Akaun SSPNi RM150 kepada bayi lahir 27 Dis 2021, RM50 kepada bayi lahir di Melaka pada hari lain.
- Beca Sejahtera - Bantuan RM200 kepada 317 pengayuh beca berlesen.



### INISIATIF KESIHATAN AWAM

- Care Rakyat - Kemudahan ambulans di 28 JAPERUN.
- Membina bangunan tambahan Hospital Angkatan Tentera, Kem Terendak.
- Menaik taraf Jabatan Kecemasan dan Trau-ma, serta Jabatan Pergigian Pediatric, Penggantian Sistem Perpaipan Dalaman dan Sistem Lif serta Naik Taraf Unit Perkhidmatan Darah dan Transfusi Perubatan Hospital Melaka.
- Membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 4 dengan kuarters di Simpang Bekoh, Jasin.
- Membina blok tambahan Klinik Kesihatan Peringgit.
- Menaik taraf Dewan Bedah Kedua Hospital Alor Gajah, Melaka.
- Menaik taraf Klinik Kesihatan Alor Gajah.



### INISIATIF UTILITI DAN KEMUDAHAN AWAM

- Menyediakan 24 buah bas baharu untuk perkhidmatan bas henti-henti.
- Menyediakan perkhidmatan Bas Penyayang iaitu bas percuma kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, golongan OKU dan asnaf.
- Menyediakan latihan dan pusat hentian kenderaan e-hailing di seluruh negeri Melaka.
- Bina 15 menara telekomunikasi baharu - Persediaan beralih kepada teknologi 5G.
- Mewajibkan semua pemaju perumahan menyediakan tapak telekomunikasi di kawasan projek masing-masing.
- Memastikan setiap projek perumahan yang dilaksanakan menyediakan kemudahan keagamaan, rekreasi dan riadah untuk kegunaan masyarakat.
- Menjadikan Melaka sebagai negeri sifar gangguan bekalan elektrik.
- Memastikan sebuah stesen High Speed Rail atau HSR dibina di Melaka, sekiranya projek diteruskan Kerajaan Persekutuan.

“ Ibrah dan pengajaran  
daripada episod pembubaran  
Dewan Undangan Negeri  
Melaka...banyak mengajar kita tentang  
kesetiaan dan persahabatan dalam  
sebuah perjuangan. ”

- Ketua Menteri Datuk Seri Utama  
Sulaiman Md Ali

### INISIATIF PENDIDIKAN ANAK MELAKA

- Membina bangunan baharu di SK Bertam Hulu, SK Kampung Tun Razak, SK Klebang Besar dan SK Dato' Demang Hussin.
- Membina Bangunan Baharu Makmal Sains Tulen (Kimia, Biologi dan Fizik) di SMK Agama Tun Perak, Jasin.
- Perolehan tanah bagi Pembinaan Kampus Baharu Politeknik Melaka di Lendu, Masjid Tanah.
- Bantuan RM300 untuk program Diploma dan RM400 untuk Ijazah dan seterusnya, kepada anak Melaka yang melanjutkan pengajian.
- Dermasiswa Pengajian Islam sebanyak RM3,500 hingga RM7,000 diberikan kepada anak-anak Melaka yang menyambung Pengajian Islam di dalam dan luar negara.
- Biasiswa Melaka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dengan nilai RM600 setahun.
- Sumbangan bantuan persekolahan RM200 untuk 2,500 pelajar sekolah rendah.
- Inisiatif Kemenjadian Pelajar melalui program teknik menjawab soalan dan bengkel motivasi kepada pelajar-pelajar kelas peperiksaan.
- Anugerah Pelajar dan Sekolah Cemerlang berjumlah RM364,000 sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang anak-anak Melaka dalam peperiksaan awam Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Care SPM - Insentif RM50 seorang untuk 83 buah sekolah.



## STABIL MELAKA MAKMUR BERSAMA

**BAJET  
2022**  
NEGERI MELAKA



### INISIATIF BELIA

1. Peruntukan RM500,000 bagi Program Belia Progresif.
2. Dana perniagaan iaitu Geran Gradpreneur untuk 200 graduan secara one-off.
3. Memperluas kemudahan WiFi percuma bagi 20 lokasi hotspot baharu seluruh Melaka.
4. Pengajuran program e-sport berjumlah RM200,000. Pusat Sukan E-Sports dan Extreme Sports, akan diwujudkan di setiap kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
5. RM200,000 bagi memperkasa Program Rohaniah Belia untuk bimbingan keagamaan dan kerohanian.
6. Menetapkan harga RM180,000 bagi Skim Rumah Pertama anak negeri Melaka.
7. Mewujudkan Pusat Kegiatan Belia bagi membolehkan belia untuk berkarya dan melakukan aktiviti kesenian.
8. Care Cinta - Skim Rumah Pasangan Yang Baru Berkahwin sebanyak 70 unit rumah untuk skim sewa dengan kadar sewa RM150 sebulan.
9. Penglibatan belia dalam Jawatankuasa di peringkat PBT dan mewujudkan penglibatan belia dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.
10. Memastikan setiap remaja dan anak muda diberi peluang memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kursus Kemahiran atau Diploma daripada Institut Kemahiran di Melaka.



### INISIATIF MASYARAKAT ORANG ASLI

1. Memastikan kawasan penempatan dan kawasan rayau bagi masyarakat Orang Asli terus dipelihara.
2. Memastikan peluang pendidikan yang sama rata diberikan kepada anak-anak masyarakat Orang Asli bagi mengurangkan kadar kecinciran.
3. Memberi keutamaan bagi pengambilan anak-anak masyarakat Orang Asli yang berkelayakan dalam Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri serta industri.
4. Peruntukan RM300,000 bina Dewan Terbuka di Kampung Orang Asli Bukit Payung.


### INISIATIF NELAYAN, PETANI DAN PENTERNAK

1. Sara Nelayan - RM1,000 kepada 1,176 orang nelayan berdaftar yang akan dibayar sebanyak 4 kali.
2. Tambah baik infrastruktur dan penempatan untuk nelayan, petani dan penternak berjumlah RM500,000.
3. Kajian nelayan laut dalam dengan peruntukan RM300,000.
4. Menambahbaik skim subsidi peralatan untuk nelayan, petani dan penternak berjumlah RM100,000.
5. Menguruskan permohonan skim perlindungan insurans bagi 1,176 nelayan, 2,104 penternak dan 1,387 petani.
6. Mengkaji nilai pampasan kepada nelayan yang terjejas akibat tambak laut.
7. Mewujudkan dasar baharu bagi menyediakan perumahan nelayan yang terjejas akibat tambak laut.
8. Memastikan kawasan tangkapan ikan dikekalkan dan terus terpelihara.
9. Melaksanakan kajian ke arah memodenkan sektor pertanian Melaka sebagai Lembah Pertanian Bandar.
10. Peruntukan RM400,000 untuk membangunkan tanaman durian dan kelapa di tanah seluas 50 hektar.
11. Program Khas dengan peruntukan RM70,000 bagi mengurangkan beban petani yang terjejas akibat bencana banjir.



### INISIATIF WANITA

1. RM500,000 bagi Program Semarak Wanita untuk tujuan program-program pembangunan dan pemerkasaan wanita.
2. Meneruskan dasar 30 peratus penyertaan wanita sebagai pembuat dasar.
3. Menyediakan Pusat Sokongan Sosial dan perkhidmatan kaunseling untuk wanita teraniaya dan mangsa keganasan serta keruntuhan rumah tangga.
4. Menyediakan 10 unit rumah sebagai penempatan transit / sementara untuk keluarga yang ditimpa kesusahan.



### INISIATIF ORANG KURANG UPAYA (OKU) & WARGA EMAS

1. Insentif Program Perhebat OKU termasuk atlet paralimpik negeri Melaka berjumlah RM100,000.
2. Menaik taraf Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di PPDK Seri Malindo sebagai Pusat Latihan Kemahiran OKU Melaka.
3. Memberi keutamaan kepada golongan OKU yang berkelayakan untuk pengambilan pekerja di Jabatan dan Agensi Kerajaan serta industri.
4. Menyediakan kemudahan infrastruktur mesra golongan OKU di semua bangunan Jabatan dan Agensi Kerajaan serta swasta, yang merupakan syarat kelulusan pelan bangunan di bawah PBT.
5. Menyediakan perlindungan insurans untuk 7,148 orang warga emas penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
6. Peruntukan khas RM200,000 untuk pengajuran Program Rohaniah Warga Emas.
7. Memastikan laluan khas disediakan di semua kemudahan kesihatan kerajaan dan swasta di Melaka.



### INISIATIF PENIAGA

1. Dana Kasih Niaga kepada 1,000 usahawan dan peniaga, dengan peruntukan RM1 juta.
2. Mengurangkan 50 peratus ke atas caj lesen penjaja dan peniaga kecil kepada hampir 6,000 pemegang lesen, berjumlah RM400,000.
3. Sedia latihan dan bantuan untuk memulakan urus niaga e-hailing dan meneruskan Melaka Easy Shop sebagai platform dalam talian untuk memasarkan makanan, kraftangan serta produk secara percuma.
4. Memperbanyak tempat berniaga dengan infrastruktur asas yang lengkap, mewujudkan zon kawasan perniagaan yang lebih terancang.
5. Meneruskan inisiatif Melaka Bebas Niaga.

# Pasar Subuh bantu rakyat beli barang murah

**SERI NEGERI** - Pasar Souq Subuh akan dianjurkan bagi menawarkan harga bekalan barang yang lebih murah dan berpatutan kepada rakyat di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, usaha itu seiring bagi membantu keluh-kesah rakyat yang berdepan kenaikan harga barang sebelum ini.

"Acap kali ketika 'melawat kawasan' waktu hujung minggu, saya mulakan program dengan solat Subuh berjemaah, mendengar tazkirah dan menyampaikan bantuan kepada ahli qariah yang memerlukan."

"Bagi memantapkan lagi pengisinya, kebetulan sekarang ini saya dengar, sedang 'soksek-soksek' tentang kenaikan

harga barang.

"Saya mencadangkan supaya diadakan jualan harga berpatutan dan jika boleh, lebih rendah daripada harga pasaran, yang kita namakan sebagai "Pasar Subuh" atau Arabnya "Souq Subuh", di mana waktunya bermula selepas Subuh," katanya dalam pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka, 27 Dislalu.

Sulaiman berkata, akan bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk merealisasikan pasar itu.

Beliau turut menyeru mana-mana pasar raya yang berminat untuk mewarkan harga barang keperluan, lebih rendah daripada harga pasaran dalam inisiatif Souq Subuh itu.



PASAR Subuh dapat membantu rakyat membeli barang dengan harga lebih murah. (Gambar hiasan)



BANTUAN persekolahan untuk pelajar sekolah rendah B40 di Melaka dinaikkan menjadi RM200. (FOTO: Mr Azli)

## Insentif sekolah tafziz dinaikkan RM3,000

**SERI NEGERI** - Melaka akan menaikkan insentif sekolah tafziz di negeri ini daripada RM1,000 kepada RM3,000 tahun depan, membabitkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM270,000.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengumumkan peruntukan tersebut dalam pembentangan Bajet Melaka 2022, 27 Dislalu.

Beliau berkata, peruntukan itu memberi manfaat kepada 90 buah sekolah tafziz di negeri ini.

**“ Bagianak Melaka yang menghadapi masalah kewangan untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan Pinjaman Boleh Ubah berjumlah 8.32 juta ringgit ”**

- Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali

## Bantuan RM200 untuk pelajar B40

**SERI NEGERI** - Melaka mengumumkan bantuan persekolahan 2022 kepada pelajar di negeri ini dinaikkan kepada RM200 berbanding RM150 sebelum ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, bantuan itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 2,500 pelajar sekolah rendah dari keluarga B40.

Katanya, sejumlah RM500,000 telah diperuntukkan untuk inisiatif tersebut.

Selain itu, beliau turut mengumumkan Biasiswa Melaka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah berjumlah RM600 seta-

hun membabitkan peruntukan RM1.44 juta.

"Untuk pelajar institut pengajian tinggi (IPT), kerajaan negeri telah memperuntukkan RM2.2 juta bagi bantuan one-off RM300 untuk pelajar program Diploma dan RM400 untuk Ijazah dan seterusnya.

"Manakala Dermasiswa Pengajian Islam sebanyak RM3,500 hingga RM7,000 pula akan diberikan kepada anak-anak Melaka yang menyambung Pengajian Islam di dalam dan luar negara.

## Naik taraf liputan telekomunikasi di 10 kampung

**SERI NEGERI** - Sekurang-kurangnya 10 buah kampung di negeri ini bakal menerima manfaat liputan talian telekomunikasi selepas kerajaan negeri menyediakan capaian gentian optik dan menaik taraf stesen pemancar tahun depan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, antara kampung yang bakal menerima manfaat ialah Kampung Brisu, Kampung Solok Uban, Kampung Sungai Buluh, Kampung Ayer Limau dan Kampung Gapis.

Selain itu, ia turut melibatkan Kampung Orang Asli

Gapam Baru, Kampung Chin-chin, Kampung Jus, Kampung Parit Sidang Seman dan Kampung Bukit Asahan.

"Untuk merealisasikan perkara ini, sebanyak 30 buah stesen pemancar akan dinaik taraf kepada rangkaian 4G dan sebanyak 104,679 premis akan disediakan capaian gentian optik," katanya ketika berucap dalam pembentangan Bajet Melaka 2022, hari ini.

Tambah Sulaiman, dalam bersedia menghadapi peralihan ke 5G, sebanyak 15 buah menara telekomunikasi baharu juga akan dibina di negeri ini.

LIPUTAN telekomunikasi di 10 buah kampung di Melaka akan dinaik taraf (Gambar hiasan).



# Bajet 2022 Melaka: Nafas lega buat B40

**MASJID TANAH** - Rata-rata penduduk di negeri ini terutama golongan B40 menyambut baik insentif yang tersedia dalam Bajet 2022 Negeri Melaka yang dibentangkan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, 27 Disember lalu.

Seorang penoreh getah, Raub Maahir, 62, berkata, dia bersyukur dengan pelbagai manfaat yang ditawarkan buat golongan B40 di negeri ini terutama dengan inisiatif bantuan Care Sayang yang telah dinaikkan kepada RM250 pada tahun depan.



**RAUB**

Bagaimanapun beliau berharap, inisiatif itu perlu diperluaskan kepada lebih ramai lagi yang tidak pernah menerima bantuan

“Scepticismus, dieses nikkei

“ Se p e r t i y a n g d i j a n j i k a n ,  
inisia tif Me la ka Be b a s  
Be mia g a d i t e r u s k a n se k a l i  
la g i d a n s a y a b e r s y u k u r  
a p a b i l a K e t u a Me n t e r i a k a n  
m e m p e r b a n y a k k a n t e m p a t  
b e mia g a d i l e n g k a p i  
infra struktur a s a s y a n g  
l e n g k a p s e l a i n m e w u j u d k a n  
z o n k a w a s a n p e m i a g a a n  
yang l e b i h t e r a n c a n g . ”



RAUB

bulanan dari kerajaan negeri dan bekerja um-pama 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Saya juga berharap bantuan kepada petani dan pekebun kecil harus dikaji dan di perhalusi agar kesemua peringkat golongan petani menerima manfaatnya.

"Seperti saya yang menoreh getah di ladang bukan milik sendiri, saya tidak menerima bantuan musim tengkujuh seperti yang diumumkan kerajaan sebelum ini bagaimanapun hanya tuan tanah yang menerima sedangkan yang menggerjakan ladang itu adalah golongan seperti kami," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Mohd Faizli Abu Hasan, 25, berkata, pembentangan bajet yang diumumkan itu menyeluruh dan memenuhi setiap aku janji Barisan Nasional (BN) yang diumumkan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) November lalu.



MOHD Faizli

Katanya, pelbagai inisiatif dimanfaatkan seperti mengagihkan kemudahan ambulans kepada 28 Japerun dalam inisiatif Care Rakyat adalah perkara yang dikehendaki rakyat bagi menangani aspek kesihatan di negeri ini.

seperti inisiatif ini. Beliau memang perlu bagi meningkatkan kesihatan awam di kawasan pedalaman lebih memerlukan

Dia juga yang baharu mendirikan rumah tangga di negeri ini turut meluahkan rasa syukur apabila bakal menerima tempias daripada inisiatif yang diumumkan kerajaan negeri apabila menawarkan inisiatif Care Cinta.

iaitu Skim Rumah Pasangan Yang Baru Berkahwin.

"Sebagai antara mempelai yang baharu mendirikan rumah tangga saya berharap agar kerajaan negeri memperluaskan inisiatif ini ke setiap daerah di Melaka agar lebih ramai pasangan menerima manfaat lebih menyeluruh demi melangsungkan kehidupan," katanya.

MILZIRWAN Nashriq

tanah dan air berada dalam tanggungjawab bersama meliputi pelbagai bidang dan sektor penting di Melaka.

Dia yang merupakan seorang usahawan kecil bersyukur dengan manfaat yang diberi terutama bagi meneruskan kehidupan pasca penularan COVID-19.

"Seperti yang dijanjikan, inisiatif Melaka Bebas Berniaga diteruskan sekali lagi dan saya bersyukur apabila Ketua Menteri akan memperbanyakkan tempat berniaga dilengkapi infrastruktur asas yang lengkap selain mewujudkan zon kawasan perniagaan." - Dr. Ahmad Zahid Hamidi

"Malah pelbagai lagi manfaat lain turut diumumkan buat secara amnya kepada peniaga kecil di negeri ini, Alhamdulillah, terima kasih kerajaan negeri di atas manfaat yang diberikan bagi memberi laluan kami untuk meneruskan kehidupan yang tercergas," ujarnya.

# TYT prihatin nasib mangsa banjir

**SUNGAI RAMBAI** - Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam mengadakan lawatan bagi melihat keadaan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Penghulu, 26 Dislalu.

Ketibaan beliau kira-kira jam 12.20 tengahari itu disambut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Zaidi Attan bersama mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Wira Hasan Abd Rahman.

Pada lawatan itu Tun Mohd Ali sempat bertanya khabar kepada lapan

keluarga yang terkesan dalam bencana banjir baru-baru ini.

Beliau juga turut menyampaikan sedikit sumbangan sebagai tanda prihatin dan simpati dengan nasib yang menimpa mangsa banjir di DUN itu.

Dalam pada itu, Tun Mohd Ali turut berpesan kepada semua mangsa banjir agar tabah menghadapi ujian yang menimpa mereka dan dapat meneruskan kehidupan seperti biasa.

Sejurus itu, Tun Mohd Ali meneruskan lawatan ke lokasi kedua bencana banjir iaitu di Lubok China.



TUN Mohd Ali menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di PPS SK Parit Penghulu

## BISTARI sumbang RM50,000 bantuan bencana banjir



REPLIKA cek sumbangan BISTARI kepada mangsa banjir diserahkan oleh Pengurus Bistari, Datin Munira M Yusop (dua dari kanan) kepada Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

**SERI NEGERI** - Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Melaka (BISTARI) menyumbang sebanyak RM50,000 kepada tabung bencana banjir bagi membantu mangsa terkesan akibat musibah itu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, sumbangan itu sedikit sebanyak meringankan beban bagi membantu mangsa banjir di negeri ini.

"Terimakasih kepada BISTARI yang hadir di Pejabat Ketua Menteri bagi menyerahkan bantuan bencana banjir kepada kerajaan negeri Melaka," katanya.

Terdahulu, replika cek sumbangan itu dis-

erahkan oleh isterinya yang juga Pengurus Bistari, Datin Seri Utama Munira M Yusop dan dihadiri delegasi pertubuhan berkenaan.

Dalam pada itu, Sulaiman mengalau-alukan sumbangan orang ramai terutamanya agensi kerajaan dan syarikat korporat untuk terus menyalurkan sumbangan atau bantuan kepada mangsa banjir.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengalau-alukan lebih banyak sumbangan daripada pelbagai agensi, syarikat dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu mangsa banjir yang terkesan di Negeri Melaka," katanya.

## Melaka lapor kes Omicron pertama babit jemaah umrah

**AYER KEROH** - Satu kes COVID-19 varian Omicron dikecaskan di Melaka membabitkan seorang wanita warganegara yang baharu pulang dari mengerjakan umrah baru-baru ini.

Exco Kesihatan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, wanita berusia 34 tahun itu berada di negara Arab Saudi bersama suaminya serta ahli keluarga pada 4 Dis sehingga 15 Dis lalu.

Katanya, individu itu berto-

lak pulang dari Jeddah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz dengan menaiki pesawat Saudi Airlines yang tiba

di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 15 Dis lalu.

Beliau berkata, pasangan suami isteri itu telah menjalani ujian calitan PCR Covid-19 semasa tiba di KLIA sebelum pulang ke Melaka menaiki van persiaran

yang disediakan ejen umrah.

"Pada 18 Dis lalu, keputusan ujian PCR diperolehi menunjukkan individu itu telah disahkan positif COVID-19 dan dirujuk ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) Bukit Serindit.

"Bagaimanpun pada Sabtu (25 Dis) kes disahkan positif

COVID-19 varian Omicron dan individu itu telah dimasukkan ke wad isolasi Hospital Melaka (HM) untuk tujuan pemantauan rapi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar di Pejabat Kesihatan Negeri, di sini, 26 Dis lalu.

Mengulas lanjut beliau berkata, jemaah umrah yang turut serta dalam penerbangan itu dan sekiranya tidak dihubungi pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diharap membuat kuarantine kendiri dan saringan Covid-19.

Menurut beliau, setakat ini terdapat sembilan kontak rapat

yang dikesan termasuk lapan kontak rapat keluarga di mana enam berada di Melaka dan dua di Kuala Lumpur yang turut menggerakkan umrah bersama kes selain seorang kontak rapat kasual iaitu pemandu van ejen umrah.

Ujar beliau, kesemua kontak rapat ini telah diarahkan menjalani Perintah Pengawasan dan Permerhatian selama 14 hari dan ujian swab PCR.

"Keputusan juga telah diperolehi dan lima daripada mereka disahkan positif Covid-19 termasuk empat individu di Melaka dan seorang di Kuala Lumpur.

"Kesemua mereka juga telah dirujuk untuk rawatan dan berada dalam keadaan stabil," katanya.

Tambah beliau, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka masih menjalankan siasatan lanjut dengan terperinci terhadap kes varian Omicron dan siasatan kontak rapat juga diteruskan untuk mengesan kesemua ahli kumpulan seramai 41 orang yang menggerakkan umrah bersama kes.

"Saya memohon orang ramai agar merujuk kepada kenyataan rasmi oleh KKM dan JKN Melaka untuk sebarang perkembangan rasmi kes Omicron ini," katanya.

MELAKA HARI INI	WARTAWAN	WARTAWAN	REKABENTUK & GRAFIK	PEMASARAN	UNIT MEDIA SOSIAL	MELAKA TV
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316						
PEMANGKU PENGARANG MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazru@melakaharlini.my	MOHD FAIZ ABU HASAN falzhasan@melakaharlini.my	LIANA SAHABUDIN lilyann90@melakaharlini.my	AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharlini.my	PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI mimieazura1981@gmail.com	EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS izraihanah363@gmail.com	WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAikal farishakal_zakaria@melakaharlini.my
JURUFOTO KANAN AZREN JAMILUDIN m.azren86@gmail.com	FARAH SUHAIDAH OTMAN farahothman@melakaharlini.my	NORAFIQAH JAMAL norafiqahjamal93@gmail.com	SITI SALEHAH AL-QADRAWI sittisalehah@melakaharlini	MIMIE AZURA ABA BAKAR mimieazura1981@gmail.com	SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah@melakaharlini.my	JURUVIDEO MOHD ZAIDI YAACOB
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com	JURUFOTO IQMAL HAQIM ROSMAN					PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharlini.my



# COURTYARD VILLAS

Country Villas Resort, Malacca



## ABOUT THE PROPERTY

**Country Villas Resort** is a guarded community project which brings out the best of nature and healthy country living of your family, our Villas are designed to give you optimum space, comfort, luxury and excellence.

## OUR PROPERTY FEATURES

- Garden Courtyard • Smart Door Lock
- 2-Cars Garage • 12' Ceiling High
- 4 Beds + 4 Baths • Living Room
- Free 2 Years UNIFI • Dining Room

+6013 352 0688

+6013 533 5688

+6013 618 0688

\*No. Lesen Pemaju Perumahan: 12308-5/02-2022/01182(L) \*Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022 \*No. Permit Iklan Jualan: 12308-5/02-2021/01182(P) \*Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022  
\*Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya \*No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan: MPHTJ/JKB/03511/11/2017 \*Tarikh Jangka Siap: August 2021 \*Pegangan Tanah: 99 Tahun  
\*Tarikh Tamat Pajakan: 26 November 2118 \*Bebanan Tanah: Tiada \*Bilangan unit: 183 \*Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat, Harga (Min.): RM 500,000.00 Harga (Maks.): RM 730,000.00  
\*Syarat-syarat Nyata: Tanah ini hendaklah digunakan untuk mendirikan rumah kediaman sahaja \*Sekatan-sekatan kepentingan: Kod B: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# Xinyi Glass bakal tambah pelaburan RM1.4 bil - Rauf

**Fiqah Jamal**

**JASIN** - Kilang pembuatan gelas terbesar di rantau Asia, Xinyi Glass Holdings Limited berhasrat membesarkan lagi syarikat itu dengan modal berjumlah RM1.4 bilion di Melaka dalam masa terdekat.

Exco Pelaburan dan Perindustrian Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, hasrat pembesaran syarikat di atas tanah seluas 52.6 hektar itu dimaklumkan dalam perbincangan yang diadakan bersama wakil syarikat itu, baru-baru ini.

"Pembesaran kilang ini akan membabitkan keluasan 130 ekar (52.6 hektar) kawasan baharu yang mana ia akan dibangunkan kilang membuat cermin automobil.

"Ia akan menjadikan Xinyi Glass sebagai syarikat pembekal cermin kenderaan untuk pihak ketiga yang mana ia akan dibekalkan ke seluruh dunia.

"Kita menjangkakan jika semua berjalan lancar, Xinyi akan dapat membina kilang baharu itu dalam tempoh enam bulan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Kilang Xinyi Glass Holdings Limited, di Lipat Kajang, di sini, 29 Dislalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) Datuk Azmi Hussain dan Pengarah Kewangan Xinyi Glass Holdings Limited dan Xinyi Solar Holdings Limited, Datuk Sin Ket Hin.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata kerajaan negeri sedia membantu syarikat berkenaan dalam meluaskan lagi bidang perniagaannya memandangkan syarikat itu telah memberikan banyak peluang pekerjaan kepada anak Melaka.

"Setakat ini Xinyi Glass telah memberikan peluang

pekerjaan kepada 55 peratus pekerja tempatan di negeri ini.

"Dan kita percaya jika kilang baharu ini beroperasi ia akan membuka kira-kira 300 ke 400 lagi peluang kerja baharu untuk rakyat Melaka," katanya.

Dalam pada itu, Ab Rauf berkata, kerajaan negeri turut bercadang menaik taraf Tanjung Bruas Port di Tanjung Kling menjadi sebuah pelabuhan yang berfungsi sebagai pelabuhan eksport barang ke luar negara.

Katanya, ia bertujuan memudah serta mempercepatkan kilang-kilang di kawasan perindustrian negeri ini untuk mengeksport pelbagai barang mereka ke luar negara, sekali gus berusaha meningkat hasil pengeluaran mereka.

Menurut beliau, pembesaran pelabuhan itu dijangka akan melibat kos sekitar RM2 bilion.



**AB Rauf Yusoh meninjau operasi di Kilang Xinyi Glass, Lipat Kajang, Jasin.**

Foto: Iqmal Haqim Rosman

## MHI, Bernama jalin kerjasama

**Siti Salehah**

**SERI NEGERI** - Melaka Hari Ini dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) memeterai memorandum persefahaman (MoU) jalinan kerjasama dalam bidang kewartawanan dan penyiaran.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata beliau menyambut baik langkah kedua-dua syarikat tersebut untuk bekerjasama bagi meluaskan liputan berita untuk negeri Melaka.

Beliau berkata, kerjasama antara MHI dan Bernama juga akan membabitkan perkongsian, pertukaran berita, visual dan latihan kewartawanan selain membantu untuk pendidikan media.

"Jadi saya berharap kerjasama ini akan memberi lebih banyak berita yang boleh dikongsikan memandangkan Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan selain kita juga banyak perancangan dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035 untuk diketengahkan."

"Saya juga berharap dengan ini Melaka lebih dikunjungi oleh pelancong dan pelabur luar, inilah tujuan MoU ditandatangani agar kedua-dua pihak dapat memberi kerjasama baik dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi serta pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan pertukaran mem-



**SULAIMAN** (tiga dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen di antara Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn Bhd (MHISB), Datuk Seri Abdul Jalil Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Datuk Mokhtar Hussain pada Majlis MoU di antara Melaka Hari Ini dan Bernama di Pejabat Ketua Menteri Melaka. Turut bersama Pengurus Bernama, Senator Ras Adiba Radzi (berkerusi roda) dan Ketua Operasi Melaka Hari Ini Sdn Bhd, Anuar Shaari (kiri). Foto Iqmal Haqim Rosman

orandum persefahaman (MoU) tersebut bersama Pengurus Bernama Senator Ras Adiba Radzi di Pejabat Ketua Menteri Melaka, di sini, 28 Dislalu.

MoU itu ditandatangani oleh

Ketua Pegawai Eksekutif Bernama, Datuk Mokhtar Hussain dan Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Sementara itu, Mokhtar ber-

sahaja dapat membantu menghebahkan maklumat berkaitan Melaka di Malaysia bahkan ke luar negarai kerana Bernama mempunyai rangkaian dengan agensi media di luar negara termasuk asia

barat, China serta Indonesia.

"Walaupun Melaka sebuah negeri kecil tetapi banyak peluang kerjasama terutama kepada ekonomi dan pelancongan selain kami lihat Melaka juga mempunyai satu perancangan jangka panjang yang besar membina zon pertumbuhan ekonomi.

"Kami Bernama berpendapat dapat membantu menghebahkan maklumat ini bukan sahaja berbentuk berita tetapi program berbentuk ekonomi selain apa-apa aktiviti yang baik untuk ekonomi kita akan kongsikan bersama secara meluas kerana kita mempunyai platform seperti Bernama TV, Bernama Radio serta digital media," katanya.

Bagi Abdul Jalil pula, MoU ini dilihat akan membawa MHI ke peringkat lebih tinggi selaras dengan 40 tahun usianya.

"Saya lihat MoU hari ini yang disaksikan Ketua Menteri selaras dengan strategi untuk membawa MHI ke peringkat lebih tinggi iaitu nasional supaya dapat berkembang selaras dengan usaha membesarkan lagi MHI."

"Caraterbaik saya rasa melalui kerjasama 'win-win' strategik partnership' dengan jenama media yang besar iaitu Bernama. Saya lihat ini akan memberi sama-sama peluang termasuk juga kepada kakitangan MHI untuk menimba ilmu berkaitan media serta untuk mendapatkan latihan," katanya.



# MIMBAR MAIM

“Be na r-be na r sang a t be runtung o ra ng-o ra ng ya ng me mbe rsihka n di i deng an be riman dan se ntia sa b e rzikir me nye bu t na ma Tuha nya se rta me nge ja ka n se mb a hyang.” (Surah Al-A’la, ayat 14-15)

“De mi se sung g uhnya ! Ka mi a ka n me ng uji ka mu de ng a n se dikit ke ta kuta n, ke la pa ran, da n ke kura ng a n da ri ha rta b end a se rta jiwa da n ha sil ta-na man. Da n be rila h kha barg emb ira ke pada o ra ng yang sabar.” (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Sumbangan selimut ke PKRC

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**AYER KEROH** - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) memainkan peranan besar bersama agensi agama Islam di negeri ini membantu menyediakan keperluan yang diperlukan kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC).

Pelbagai sumbangan telah diserahkan kepada pihak PKRC antaranya kit kesihatan dan perubatan yang mana memberi manfaat tambahan kepada penghuni pusat berkenaan.

Sebelum ini pihak MAIM mem-

peruntukan sebanyak lebih 3,000 kit kesihatan dan perubatan yang antara lain diisi dengan cecair sanitasi tangan, pelitup separuh muka dan bahan mandian yang bersesuaian.

MAIM telah mebelanjakan sebanyak RM 186,000 bagi tujuan itu yang mula diedarkan di PKRC MITC bermula Ogos tahun lalu dan keperluan kit asas akan diperhalusi dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan penghuni PKRC.

Sumbangan berkenaan dapat memberikan kemudahan kepada pesakit kerana telah sedia maklum ada pesakit yang dikuarantin tidak berkemampuan untuk membawa



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan selimut kepada Pengarah Pusat Kuarantin Berisiko Rendah (PKRC) Negeri Melaka, Dr. Abdul Karim Abdul Rahman.

keperluan asas sendiri.

Berdasarkan situasi terkini, pihak MAIM kekal terus membantu mereka yang terkesan sepanjang tempoh wabak Covid-19 yang masih belum reda.

MAIM bersama agensi agama Islam di negeri ini iaitu Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMNM) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) juga telah mewujudkan Bilik Gerakan Musa’adah Pasca Banjir Agensi Islam Melaka bertempat di Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM Telok Berembang,

Lubok CHna.

Penubuhan bilik gerakan itu antara lain bagi memastikan keperluan semasa dan bantuan kit makanan dapat disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan berkenaan.

Berdasarkan rekod kawasan Lubok China merupakan antara kawasan yang terjejas teruk akibat musibah banjir yang melanda negeri ini baru-baru ini.

Fungsi dan peranan bilik gerakan itu juga dapat mendapatkan maklumat mereka yang terkesan

dan seterusnya bantuan dapat di salurkan sebaik mungkin kepada mangsa.

Bilik gerakan berkenaan telah mula diaktifkan sejak 27 Disember lalu dan akan beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam sehingga 5 Januari tahun ini.

Kepada mangsa banjir yang memerlukan sebarang maklumat boleh terus hubungi bilik gerakan pasca banjir di talian 011-56937614 atau hubungi MAIM cawangan Masjid Tanah di talian 06-3842699.



SELIMUT yang disediakan pihak MAIM kepada PKRC.

**SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA**

**3 KAEDAH BERWAKAF**

**01** MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

**02** MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN RORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL iWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)


**03** MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

**Jom Berwakaf**

**BANK ISLAM** 04015010078877 (BIMB)  
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Erwin Abu Hasan  
erwin@aim.gov.my



**PRIHATIN ASNAF...**Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud bersama Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menyantuni dan menyampaikan sumbangan kit makanan dan wang tunai kepada asnaf di skitar DUN Rrim serta DUN Asahan,



**SUMBANGAN** kit musa'adah kepada mangsa banjir di Kariah Paya Lebar dan kariah Ramuan China Besar oleh Bilik Gerakan Musa'adah Pasca Banjir Agensi Agama Islam Melaka baru-baru ini. Sumbangan berupa makanan asas mampu meringankan beban dan keperluan semasa mangsa banjir akan dikemas kini bagi membantu mereka menjalani kehidupan asal seperti biasa. Petugas bilik gerakan turut turun padang mengadakan gotong-royong mengemas dan membersihkan kawasan rumah asnaf yang terkesan banjir.

# Sikit mencukupi, banyak dikongsi



Datuk Hj. Ibrahim  
Bin Fadil

Ke tuan Pegawai  
Eksekutif Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

**SETIAP** umat Islam yang beriman dan bertaqwa haruslah mentaati Rukun Islam yang telah ditetapkan oleh syariat Islam khususnya Rukun Islam yang ketiga iaitu menunaikan ibadah zakat. Rasulullah SAW telah memerintahkan agar umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat, segera menunaikan tanggungjawab berzakat terus kepada amil pemerintah.

Hal ini kerana perintah mengeluarkan zakat kepada amil pemerintah ini adalah perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman bagi tujuan menguji keimanan dan ketakwaan mereka terhadap Allah SWT. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah; ayat 103 yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyudikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Oleh yang demikian, harta yang tidak dikeluarkan zakat tidak akan mendapat keberkatan rezeki daripada Allah SWT. Harta yang berkat umpama sedikitnya mencukupi dan banyaknya boleh diaghikkan. Selain daripada itu, harta itu juga dibarangkan seperti air laut yang diminum, ianya tidak akan dapat menghilangkan dahaga dan apabila diminum banyak, ianya boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan.

Oleh itu, setiap umat Islam di dunia ini akan diuji oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk ujian, antaranya pemilikan harta. Persoalan sering berlaku dari mana, bagaimana harta diperolehi dan ke mana harta tersebut diaghikkan serta digunakan. Ini kerana, manusia akan terlalu laai dengan harta benda dan anak pinak sehingga terleka dengan perintah Allah SWT dalam mengejar kebaikan saham di akhirat. Ini bertepatan dengan Surah al-Munafiqun ayat 9 yang bermaksud: "Hai orang-orang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu melaikan kamu dari mengingati Allah SWT. Barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka itu la

"Harta itu juga diibaratkan seperti air laut yang diminum, ianya tidak akan dapat menghilangkan dahaga dan apabila diminum banyak, ianya boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan."

orang-orang yang rugi".

Justeru itu, setiap umat Islam perlulah memainkan peranan penting bagi menunaikan kewajipan berzakat sepetimana yang telah terkandung dalam Al-Quran dan Hadis

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
- (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Nabi SAW tentang kewajipan menunaikan zakat. Semoga apa jenis zakat yang ditunaikan dapat memberi manfaat kepada ramai asnaf yang memerlukan. Semoga segala bentuk harta dan pendapatan yang dikeluarkan oleh pemberi zakat akan memperolehi keberkatan dan digandakan oleh Allah SWT.

In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Erwin Abu Hasan  
erwin@aim.gov.my



MISI Bantuan Pasca Banjir Kerajaan Negeri Melaka Ke Negeri Pahang Darul Makmur telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman bin Md Ali baru-baru ini. Misi bantuan ini telah disertai seramai 50 sukarelawan dan melibatkan lima agensi kerajaan iaitu Majlis Perbandaran Hang TuahJaya (MPHTJ), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Jasin(MPJ). Di ikuti Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dan Majlis Agama Islam Melaka.



SUMBANGAN tablet kepada beberapa buah sekolah di negeri ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud baru-baru ini. Tablet berkenaan akan diagihkan kepada pelajar yang memerlukan dan manfaat bersama dapat di realisasikan dalam melahirkan insan cekap IT dan penggunaan peranti sepanjang tempoh pembelajaran secara bersemuka mahupun dalam talian.



Pangsapuri  
**Krubong Utama**


MyHome  
Subsidi  
**30K**

**RM 180,000**

*Rumah Mampu Milik /  
MyHome*

*Pangsapuri*  
5 Tingkat dengan Lif

012 - 631 7892  
010 - 241 1874  
06 - 282 2535



3  
bilik tidur  
卧房

2  
bilik air  
浴室

Pemaju:



**SINMAH DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
(a subsidiary of Sinmah Capital Berhad formerly known as Farm's Best Berhad)

211, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. Fax : 06-282 2518

🌐 [www.sinmahadevelopment.com.my](http://www.sinmahadevelopment.com.my)

✉ [enquiry@sinmah.com.my](mailto:enquiry@sinmah.com.my)



• No Lesen Pemaju: 14708-1/05-2020/01926(L) • Tempoh Sah: 03.05.2019-02.05.2020 • No Jualan & Permit Iklan: 14708-1/05-2020/01926(P) • Tempoh Sah: 03.05.2019-02.05.2020 • Pihak Berkusa Meluluskan Pelan Bangunan: MBMB • No Ruj: MBMB/JKB03015/04/2016(10) • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun (28.12.2105) • Jumlah Unit / Harga Jualan: Rumah Pangsapuri 5 Tingkat: (120 unit) Min/Mak RM180,000 Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak dibenarkan dipindahmilik atau dipajak dengan apa cara sekalipun kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkusa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik atau pajakan pertama.

IKLANINI DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: ADDMATH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK : ADDMATH


## SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 4

### SENARAI RUMUS LIST OF FORMULAS

1.  $\sin^2 A + \cos^2 A = 1$
2.  $\sec^2 A = 1 + \tan^2 A$
3.  $\csc^2 A = 1 + \cot^2 A$
4.  $\sin(A \pm B) = \sin A \cos B \pm \cos A \sin B$
5.  $\cos(A \pm B) = \cos A \cos B \mp \sin A \sin B$
6.  $\tan(A \pm B) = \frac{\tan A \pm \tan B}{1 \mp \tan A \tan B}$
7.  $\sin 2A = 2 \sin A \cos A$
8.  $\cos 2A = \cos^2 A - \sin^2 A$
9.  $\tan 2A = \frac{2 \tan A}{1 - \tan^2 A}$
10.  $\frac{a}{\sin A} = \frac{b}{\sin B} = \frac{c}{\sin C}$
11.  $a^2 = b^2 + c^2 - 2bc \cos A$
12.  $a^2 = b^2 + c^2 - 2bc \cos A$   
Luas segi tiga/Area of triangle  
 $= \frac{1}{2} ab \sin C$

### CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1)- MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 2)

1. Rajah 1 menunjukkan sebuah segitiga ACD di mana ABC ialah satu garis lurus.  
Diagram 1 shows a triangle ACD where ABC is a straight line.



Rajah / Diagram 1

Diberi panjang  $AD = 8\text{ cm}$ ,  $BC = 5\text{ cm}$ ,  $BD = 7\text{ cm}$  dan  $\angle DAB = 50^\circ$ .  
Given the length  $AD = 8\text{ cm}$ ,  $BC = 5\text{ cm}$ ,  $BD = 7\text{ cm}$  and  $\angle DAB = 50^\circ$ .

a) Hitung /Calculate

- sudut cakah ABD.  
the obtuse angle ABD [2 markah/marks]
- panjang CD.  
the length of CD. [2 markah/marks]
- luas segitiga BDC.  
the area of triangle BDC. [2 markah/marks]


- b) Lakar sebuah segitiga  $B'C'D'$  yang mempunyai bentuk berbeza daripada segitiga BCD dengan keadaan  $B'C' = BC$  dan  $\angle B'D'C' = \angle BDC$ .  
Seterusnya, cari  $\angle B'C'D'$ .  
Sketch a triangle  $B'C'D'$  which has a different shape from triangle ABC such that  $B'C' = BC$  and  $\angle B'D'C' = \angle BDC$ . Hence, state  $\angle B'C'D'$ .

[4 markah/marks]

### JAWAPAN

1. a) i) Untuk mendapatkan sudut cakah ABD, pelajar perlu mendapatkan sudut tirus terlebih dahulu. Disebabkan terdapat nilai sisi bertentangan bagi sudut ABD dan nilai sisi bertentangan bagi sudut DAB, maka pelajar boleh menggunakan formula (10).


$$\begin{aligned}\frac{\sin \angle ABD}{8} &= \frac{\sin 50^\circ}{7} \\ \sin \angle ABD &= \frac{8 \sin 50^\circ}{7} \\ &= 0.8755 \\ \angle ABD &= \sin^{-1}(0.8755) \\ &= 61.10^\circ\end{aligned}$$



Maka, sudut cakah  $\angle ABD$  diperoleh ialah

$$\begin{aligned}\angle ABD &= 180^\circ - 61.10^\circ \\ &= 118.9^\circ.\end{aligned}$$

- ii) Untuk mendapatkan panjang CD, pelajar perlu menggunakan formula (11) dan mencari nilai sudut  $\angle CBD$  memandangkan panjang BD dan BC sudah diberikan.




Menggunakan nilai sudut yang diperoleh di a(i) dan ABC adalah garis lurus, maka  $\angle CBD = 180^\circ - 118.9^\circ = 61.1^\circ$

dan panjang CD ialah

$$\begin{aligned}a^2 &= b^2 + c^2 - 2bc \cos A \\ CD^2 &= (5)^2 + (7)^2 - 2(5)(7) \cos 61.1^\circ \\ CD^2 &= 40.17 \\ CD &= \sqrt{40.17} = 6.338\text{cm}\end{aligned}$$

- iii) Luas segitiga BDC boleh diperoleh menggunakan formula (12), dengan menggunakan maklumat




$\angle DBC = 61.6^\circ$ ,  $BC = 5\text{cm}$ ,  $DB = 7\text{cm}$ , maka


Luas segi tiga/Area of triangle

$$\begin{aligned}&= \frac{1}{2} ab \sin C \\ &= \frac{1}{2}(7)(5)\sin(61.1^\circ) \\ &= 15.321\text{cm}^2.\end{aligned}$$

- b) Diberi  $B'C' = BC$  dan  $\angle B'D'C' = \angle BDC$ , maka garis BC perlu digerakkan di atas garis CD seperti berikut



Lakaran bagi segitiga  $B'C'D'$  menjadi



Bagi mendapatkan  $\angle B'C'D'$ , pelajar perlu terlebih dahulu mendapatkan nilai sudut  $\angle BCD$  menggunakan formula (10),

$$\begin{aligned}\frac{\sin \angle BCD}{BC} &= \frac{\sin \angle DBC}{CD} \\ \sin \angle BCD &= \frac{7 \sin 61.1^\circ}{6.338} \\ &= 0.9669 \\ \angle BCD &= \sin^{-1}(0.9669) \\ &= 75.22^\circ\end{aligned}$$

Disebabkan  $B'C'C$  adalah segitiga sama kaki, maka  $\angle BC'C = \angle BCD = 75.22^\circ$ . Oleh itu  $\angle B'C'D' = 180^\circ - 75.22^\circ = 104.78^\circ$ .



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

**SAUDARA** (Brother) was a Tanjong-based international newspaper before the Second World War. The newspaper had readers throughout the Malay states, Siam, Sabah, Sarawak, Indochina, Kalimantan, the islands of Jawa, Sumatera, Sulawesi and Labuan. It was also read in Egypt, the Hijaz and London. (*Saudara* 7 June 1930).

Its correspondence and news networks were global, coming from places like Egypt, Afghanistan, Russia, Makkah and the Malay states. *Saudara*'s correspondents used the telegraph and cable.

*Saudara* was another vehicle for Sayyid Shaykh Ahmad al-Hadi. It was two years after starting *Al-Ikhwan* in 1926. Al-Hadi recognized the force of the changes that were taking place then. From *al-Imam* (1906), and a few others in between, he turned to a more secular paper. *Saudara* nevertheless, expressed significantly enough the same idea as that contained in *Al-Ikhwan*. Pendeta Za'ba in 1941 had described *Saudara* as one of the most influential newspapers in Malaya and an uncompromising critic of Malay life.


*Saudara* carried the slogan "Majulah ke Hadapan Wahai Saudara: Warta Am, Pelajaran, Pengetahuan, Perkhabaran" (Move Forward, O My Friend: General News, Education, Information, Message). Among its permanent features were "Pengetahuan Am" (General Knowledge), "Perkhabaran Alam Dunia" (News of the World), "Berita-berita" (News), "Warta Tanah Arab" (Arab News), "Warta Indonesia" (Indonesian News), "Buah Fikiran," (Thought), "Warta Benua Eropah" (News from the European Continent), "Perkhabaran Mahkamah" (Message from the Court), "Warta Negeri Siam" (News from the land of Siam); "Perkhabaran Alam Melayu" (News from the Malay World), and "Surat Kiriman" (Letters to the Editor).

Siti Rodziyah Nyan (2009) in *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, discusses at length the contents and context of one of the major Malay newspapers in the period. Popularly accepted as a 'national' newspaper, *Saudara* played a major role in boldly mobilizing Malay society toward economic and social advancement.

Al-Hadi exercised considerable editorial influence over the newspaper until his death in 1934. Printed at the Jelutong Press until 1939, the paper changed hands managerially when the press was sold at that time. From 1928, it was published by his son, Sayyid Alwi Sayyid Shaykh al-Hadi. Publishers for the remaining two years from 1939 were listed, successively, as Raja Othman Mohd Noor, S.A.O. Alsagoff, Shaykh Abdul Rahman Abu Bakar, and Mohd. Che' Ambi.

William Roff (1972) listed *Saudara*'s editors as Mohd. Yunus Abdul Hamid, 1928-31; Sayyid Alwi Sayyid Shaykh al-Hadi, 1930 – February 1933, March 1934 – mid 1936; Sayyid Shaykh Ahmad al-Hadi, Feb 1933 – Feb 1934 (died); Abdul Wahab

# Saudara (1928-1941): Covering Melayu Tanjong and the World



SITI Rodziyah Nyan (2009) in *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, discusses at length the contents and context of one of the major Malay newspapers in the period.

**“ The decade of the 1930s saw a heightened consciousness in Malay nationalistic sentiments (the semangat kebangsaan Melayu). This attitude was induced by migrants questioning the position of the Malays in the Malay States and the Straits Settlements. ”**

Abdullah, Feb 1933 - Mar 1934; Shaykh Mohd. Tahir Jalaluddin, Mar – Sept 1934; Abdul Majid Sabil, mid 1936 – June 1939; and Mohd. Amin Nayan, late 1939 – 1941.

When al-Hadi took over the editorship from his son Sayyid Alwi in 1933, he was assisted by Abdul Wahab Abdullah. According to Siti Rodziyah, Abdul Wahab was from Chemor, Perak, and was educated in Egypt. He was what we can describe as a polymath, conversant in such fields as earth sciences, surveying, chemistry, botany, music and painting. He was able to speak English, Arabic and French. Abdul Wahab was educated at the Madrasah al-Mashoor in Tanjung and was taught by al-Hadi.

Having an editor with such a background and skill was certainly instrumental in displaying the character of a newspaper, and its response to the mood and issues of

the day. And *Saudara* certainly had the advantage of having another member of the Malay intelligentsia, this time an ulama in Syeikh Tahir Jalaluddin who took over as editor in March of 1934. The decade of the 1930s saw a heightened consciousness in Malay nationalistic sentiments (the *semangat kebangsaan Melayu*). This attitude was induced by migrants questioning the position of the Malays in the Malay States and the Straits Settlements. *Saudara*'s leaders and editorial comments were much reflective of the spirit of the times.

In a response and in increasing the space for Malay expression, *Saudara* created a column specifically to cater for readers' opinions and comments. Named as *Halaman Kanak-Kanak* (Childrens' Column), it was organized by Ahmad Khatib. The column, despite its name, was certainly



SAYYID Shaykh Ahmad al-Hadi

not for children. It was perhaps conceived as such due to the nascent political consciousness amongst the Malays then. It was also suggested that *Saudara* had wanted to educate young Malays to be nationalists, and mujahids (authority in interpreting law and doctrine) echoing the reform movement much earlier in the century.

Later in the same year, on 3 October, the column was amended to *Halaman Sahabat Pena* (Pen Pal Column), providing space for opinions and the exchange of thoughts and ideas. On this, *Saudara* commented in its 3 October 1934 issue that *Halaman Sahabat Pena* was to accommodate writings and essays from Malay youths. The *Halaman Sahabat Pena* later gave birth to the *Persaudaraan Sahabat Pena Malaya* (Paspam). Paspam, for the first time, became a medium for Malay unity. It united the 'semangat Melayu' of the peninsula in expressing modernist religious views.

One thousand copies of *Saudara* was printed per day in 1928. Its circulation increased to 1,500 to 1700 in 1929. In 1930, its circulation declined to 1400 copies, only to stabilize at 1500 in 1931 through 1935. That figure was considered one of the biggest print run for a Bahasa Melayu newspaper in Pulau Pinang before the War.

According to Mohd. Hamed Adnan (2015), with the size of 15.5 inches x 21.6 inches, it has the largest format among Bahasa Melayu newspapers. It grew from a four-paged newspaper to an eight-paged one toward the end of 1928. Eventually *Saudara* became 12-page newspaper by the end of the 1930s.

*Saudara* was published weekly every Saturday until January 1932 when its frequency was twice a week (every Wednesday and Saturday). It was sold for 10 sen per copy with an annual subscription rate of RM 10.00. Beginning 1930, its advertising rate was 50 sen per inch, up from 25 sen earlier. Among the advertisements it carried were cigarettes. One was the label 'Gold Sports' with a drawing of a woman smoking. Readers of the Kaum Muda organ protested. That image was later replaced by that of a man.

**NEXT WEEK:  
Atas Angin**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

# Pesta udang galah lepas banjir

**AYER LIMAU** - Pasca banjir besar di Lubuk China, di sini menyebabkan nelayan sungai menikmati hasil tangkapan udang galah yang lebih tinggi berbanding sebelum ini.

Ini kerana banjir besar yang melanda 18 Dis lalu dipercayai menyebabkan kelodak Sungai Rembau, Sungai Ramuan Cina dan Sungai Linggi menjadi lebih pekat yang menyebabkan udang galah keluar dari tempat persembunyian di dasar sungai.

Nelayan sungai, Yazid Hamdan, 51, berkata beliau memperoleh 4 kilogram (kg) dan 6kg udang galah ketika turun menjala udang galah di sungai 26 dan 27 Dis lalu.

Dia berkata, dalam kejadian banjir mulai jam 5 pagi, 18 Disember lalu, kira-kira 20 perahu gentian kaca di pangkalan itu tenggelam bersama-sama enjin motor sangkut masing-masing.

"Allah tarik sumber rezeki kami ketika itu tetapi sekarang alhamdulillah, Allah beri semula rezeki yang lebih kepada kami," katanya.

Nelayan di Pangkalan Nelayan Kampung Paya Lebar, Azan Ramli, 30, berkata banjir dipercayai menyebabkan kadar ke-

"Allah ta'rik sumber rezeki kami ke tika itu te ta pi se ka ra ng al ha md ulilla h,  
Allah be ri se mula re ze ki yang le bih ke p a da ka mi".

masinan air payau di Sungai Rembau menurun dan mendorong lebih banyak udang galah keluar dari tempat pesembunyian dan bermain di muka sungai.

"Alhamdulillah, selalunya kami hanya mendapat antara satu hingga dua kg udang galah setiap kali turun ke sungai tetapi sejak selepas banjir besar, hasil meningkat.

"Dengan hasil jualan udang galah RM70 sekilogram, kami menikmati pendapatan yang lebih berbanding sebelum ini," katanya.

Dia berkata, kebanyakan nelayan terpaksa menanggung sendiri kos pembaikan perahu dan enjin dan hasil jualan yang meningkat dijangka mampu membayai perbelanjaan itu.

"Alha md ulilla h, se la lunya ka mi ha nya me nda pa t a nt a ra sa tu hing ga dua kg udang galah se tia p ka li turun ke sunga i te ta pi se ja k se le p a s b a njir b e sa r, ha sil me ning ka t".



YAZID menunjukkan udang galah seberat 6kg yang diperolehnya di Pangkalan Nelayan Kampung Telok Berembang, Lubuk Cina. Foto Din Ahmad

## Rumah Teres 2 Tingkat

Taman Bukit Beruang Indah

Keluasan:  
20' x 70'  
142 Meter  
Persegi

興地發展有限公司  
**HAMPSTEAD**  
DEVELOPMENT SDN BHD (212218-M)

Hampstead Development Sdn Bhd

No. 1A-9, Jalan Kesisiangan 3/11, Bachang Mall,  
Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka.

[www.chiphoock.com](http://www.chiphoock.com) / [hampsteaddsb@gmail.com](mailto:hampsteaddsb@gmail.com) / 06-3372505/7/9

**RM360,000**

## Masyarakat digesa pelajari ilmu pertahanan awam

**AYER KEROH** - Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka menyeru anggota komuniti dan masyarakat di negeri ini agar didekah dengan ilmu pertahanan awam.

Pengarah APM Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata, ilmu itu sangat penting terutama apabila berdepan musibah seperti bencana banjir yang berlaku baru-baru ini.

Justeru, beliau berkata, pihaknya berhasrat untuk melatih lebih ramai anggota komuniti di negeri ini mengenai ilmu pertahanan awam bermula tahun depan.

"Kita sebenarnya ada produk perkhidmatan ilmu pertahanan awam melibatkan komuniti yang akan kita laksanakan tahun depan secara berperingkat.

"Kita akan memulakan program itu di peringkat Parlimen dan seterusnya di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mana ia akan melibatkan kepimpinan di pelbagai peringkat.



CUTHBERT

"Kita muah komuniti di luar sana melibatkan diri dalam ilmu pengurusan bencana supaya kita dapat menjadi satu pasukan yang teratur, tersusun dan sistematis ketika berlakunya bencana khusus membabitkan keselamatan nyawa dan harta benda," katanya.

Beliau berkata demikian dalam rancangan Dialog 1.30 bersama Angkatan Pertahanan Awam yang disiaran secara langsung menerusi Melaka FM, 29 Dis lalu.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, APM Melaka akan sentiasa bersiap siaga terhadap sebarang kemungkinan sepanjang tempoh Monsun Timur Laut yang masih berlaku sekarang sehingga awal tahun depan.

Selain melakukan kerja menyelamat dan memindahkan mangsa banjir, pada masa sama, katanya APM Melaka turut menjalankan kerja-kerja pasca banjir seperti membersihkan rumah mangsa-mangsa yang terkesan akibat musibah itu.



DR. SHANKAR GUNARASA

**PANTAI HOSPITAL**  
Ayer Keroh

**MASALAH** sembelit adalah simptom yang paling lazim diperkatakan sejak dari dahulu lagi, bukan sahaja di Malaysia malah di serata dunia. Ini adalah satu satunya simptom yang pesakit sering kali membawa diri ke klinik untuk mendapat rawatan. Sudah tentunya masalah sembelit ini mempunyai impak kepada cara kehidupan seharian kita atau "quality of life".

Tahukah anda, kajian yang telah dilakukan menunjukkan golongan wanita adalah dua kali ganda lebih kerap mengalami masalah sembelit berbanding lelaki? Fakta ini boleh dikaitkan dengan kecederaan yang dialami di otot otot tulang pinggul semasa melahirkan anak. Masalah sembelit ini akan lebih ketara lagi bila usia melebihi 70 tahun.

Apakah sebenarnya definisi sembelit? Fahaman terhadap definisi sembelit ini cukup berbeza dalam kalangan masyarakat kita. Adakah ia berkaitan dengan "angin" atau kekerapan pembuangan najis yang kurang atau sering kali meneran atau pun masalah ini timbul kerana pemakanan yang kurang serat?

Berdasarkan dengan kriteria yang kini di rujukan iaitu "Rome IV criteria" di mana seseorang pesakit itu perlu mematuhi sekurang-kurangnya dua daripada kriteria ini iaitu:

- Pembuangan najis kurang daripada 3 kali/ seminggu.
- Meneran (> 25 % semasa pembuangan najis).
- Pembuangan najis berketulan



# Apakah sebab-sebab Sembelit ?

- Kecil (mirip tahi kambing).
- Sensasi tersepit di bahagian dubur (>25% semasa pembuangan najis).
- Sensasi tiada kepuasaan semasa pembuangan najis (>25% semasa pembuangan najis).
- Menggunakan jari untuk mengeluarkan najis.

Jika anda mempunyai simptom-simptom yang dinyatakan, bermakna anda mempunyai masalah sembelit. Apakah punca sebenarnya sembelit ini? Memang lazimnya sembelit sering dikaitkan dengan makanan yang kurang serat dan pemintuman air yang berkurangan. Tetapi dari segi perubatan, masalah sembelit ini ada banyak puncanya yang perlu diteliti.

Antara puncanya boleh dikaitkan dengan sembelit adalah:

#### ● GAYA HIDUP

- kurang aktif dan pemakanan yang kurang sihat. Juga pengambilan ubatan sembelit atau "laxatives" yang berpanjangan boleh menyebabkan sembelit

#### ● UBATAN


- Sesetengah ubatan untuk darah tinggi, ubatan anti-psychosis, ubat tahan sakit seperti opiates boleh menyebabkan sembelit

#### ● MASALAH ENDOKRIN

- Hormon yang kurang seperti thyroid dan kalsium
- Masalah kencing manis yang tidak dirawat, selain memberi implikasi kesihatan di mata dan buah pinggang, boleh menyebabkan pergerakan usus yang kurang atau "colonic inertia" dan menyebabkan sembelit.

#### ● BARAH USUS

- barah usus di rektum boleh menyebabkan gangguan pembuangan



najis yang seterusnya menyebabkan sembelit. Oleh itu golongan yang berusia lebih 60 tahun dan yang telah tiba-tiba menjadi sembelit, perlu mendapat rawatan endoskopi secepat mungkin.

#### ● Masalah "disynergia lantai panggul" (Pelvic Floor Abnormality).

#### ● Obstructive Defecation Syndrome (ODS).

Orang yang mempunyai disynergia lantai panggul mempunyai masalah untuk menyelaraskan antara saraf otot abdomen dan otot panggul. Ini menyebabkan orang itu sukar untuk mendorong pergerakan usus.

Biasanya pemeriksaan awal akan dilakukan bagi mengenal pasti punca sembelit. Ini dapat dikenal pasti melalui sejarah penyakit dan pemeriksaan fizikal pesakit. Daripada pemeriksaan ini, beberapa ujian dapat dilakukan untuk mengetahui punca sembelit. Antaranya ujian darah akan dilanjutkan untuk mengenal pasti punca sembelit. Sesetengah pesakit akan dinasihatkan untuk menjalani pros-


edur kolonoskopi (memasukkan kamera kedalam usus besar melalui dubur), Prosedur 'anal manometry' (tekanan anus) untuk melihat 'pressure' di dalam dubur dan 'defecating proctogram' (x-ray aktiviti membuat air besar) akan disarankan jika pesakit menunjukkan tanda-tanda kelemahan otot pelvis atau 'obstructive defecating syndrome'.

Bagi mengenal pasti punca sembelit, ujian komprehensif seperti ini perlu dilakukan agar rawatan yang bertepatan dapat dimulakan oleh doktor anda. Untuk pengetahuan umum, Dr. Shankar Gunarasa di Pantai Hospital Ayer Keroh mempunyai modaliti yang canggih seperti MRI Defecography, Anal Manometry, Endo-anal Ultrasound, Sitz marker dan Bio-feedback training untuk merawat masalah sembelit ini. Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang rawatan dan diagnosis sembelit, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**





LIHAT MUKA 21, 22 &amp; 23

**SOROTAN JANUARI 2021**

## ► 11 JAN 2021

Kerajaan laksana semula PKP di enam negeri bermula 13 Jan - PM

PUTRAJAYA - Kerajaan akan melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam negeri termasuk Melaka bermula 12.01 pagi 13 Jan sehingga 26 Jan lalu.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, PKP turut akan dilaksanakan di Johor, Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) serta Sabah.

## ► 12 JAN 2021

Yang di-Pertuan Agong perkenan Pengisytiharan Proklamasikan Darurat

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memberi perkenan Pengisytiharan Proklamasikan Darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin dalam kenyataan Istana Negara memaklumkan Seri Paduka memberi perkenan tempoh pelaksanaan darurat itu atau sehingga suatu tarikh yang lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan.

## ► 18 JAN 2021

PM umum pakej PERMAI bantu rakyat hadapi COVID-19

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi mengurangkan beban dihadapi rakyat dan ketahanan ekonomi ketika negara sedang berdepan penularan pandemik COVID-19.

## ► 29 JAN 2021

Kematian adik Amir gemparkan negara

KRUBONG - Kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun maut dipercayai didera ibu kandung dan bapa tirinya di sebuah rumah di Taman Krubong Jaya, di sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, mangsa, Zubaidi Amir Qusyairi Abdul Malek ditemui lemas dalam tong air di rumah berkenaan dengan terdapat beberapa kesan kecederaan di beberapa bahagian badan.

**SOROTAN FEBRUARI 2021**

## ► 21 FEB 2021

312,390 dos vaksin selamat mendarat di KLIA

KUALA LUMPUR - Pesawat khas Airbus 330-300 yang membawa bekalan kumpulan pertama 312,390 dos vaksin selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), jam 10.07 21 Feb lalu.

Ketibaan pesawat yang membawa dos vaksin dengan penerbangan Passenger-to-Cargo (P2C) itu disambut Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.

## ► 24 FEB 2021

Melaka terima 8,190 dos vaksin pertama

BANDARAYA MELAKA - Sebanyak 8,190 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech selamat tiba di Hospital Melaka pada jam 11.55 pagi pada 24 Feb lalu.

Vaksin tersebut dibawa dengan sebuah van penyimpanan khas milik syarikat logistik melalui jalan darat yang turut diiringi petugas keselamatan yang terdiri daripada anggota polis.

Perjalanan vaksin tersebut bermula dari Subang pada jam 10 pagi dan melalui Lebuh Raya Utara Selatan sebelum keluar di susur Plaza Tol Ayer Keroh pada jam 11.45 pagi.

## ► 24 FEB 2021

PM individu pertama terima suntikan vaksin COVID-19

PUTRAJAYA - Mantan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin selamat menerima suntikan vaksin COVID-19 sekali gus menjadi individu pertama negara menerima vaksin berkenaan.

Suntikan pertama itu diberikan Ketua Jururawat Kesihatan, Lina Ibrahim yang telah bertugas selama 23 tahun dalam bidang perubatan di negara ini tepat jam 2.45 petang tadi di Pejabat Kesihatan Putrajaya, Presint 11 di sini.

**SOROTAN MAC 2021**

## ► 2 MAC 2021

Sulaiman pertama terima vaksin COVID-19, PICK di Melaka bermula secara rasmi

AYER KEROH - Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menjadi individu pertama di negeri ini menerima suntikan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech di Dewan Seri Negeri.

Penerimaan suntikan dos pertama itu sekali gus menandakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan peringkat negeri Melaka bermula secara rasmi pada tarikh itu selain enam individu lain turut disenaraikan penerima vaksin sebagai upacara simbolik pelancaran program berkenaan.

## ► 6 MAC 2021

Tun Mohd Ali dimasyhur sebagai Canselor UTeM ketiga

MELAKA - Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dimasyhurkan sebagai Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang ketiga.

Pelantikan Mohd Ali, 72, sebagai Canselor UTeM berkuat kuasa selama empat tahun mulai 15 Ogos 2020 hingga 3 Jun 2024, telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

## ► 8 MAC 2021

Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 dilancarkan

AYER KEROH - Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang dilancarkan secara rasmi hari ini bakal menjadi dokumen hidup (the living document) yang boleh dijadikan rujukan pemimpin akan datang.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, dokumen atau kitab besar yang dihasilkan itu disifatkan sebagai sebuah pelan strategik, holistik dan komprehensif yang dirangka untuk tempoh 15 tahun serta melewati Rancahang Malaysia ke-12, 13 dan 14.

## ► 13 MAC 2021

Melaka lancar 'Gerobok Rezeki'

LENDU - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali melancarkan perasmian 'Gerobok Rezeki' di Masjid Saidina Umar Al Khattab, di sini, 13 Mac lalu. Sulaiman berkata, Gerobok Rezeki merupakan satu program inisiatif Masjid Saidina Umar Al Khattab yang memfokuskan untuk membantu golongan memerlukan.

## ► 17 MAC 2021

Pokok ikonik 127 tahun rebah di bumi bersejarah

BANDA HILIR - Pokok dianggarkan berusia lebih seabad di hadapan bangunan Stadthuys, di sini, akhirnya rebah ke bumi dalam kejadian kira-kira jam 6.30 pagi, 17 Mac lalu.

Difahamkan pokok jenis Batai Laut itu ditanam sejak penjajahan British pada 1894 dan kini akarnya sudah tidak mampu bertahan lagi menjadikannya tumbang.

## ► 22 MAC 2021

Aplikasi 'Melaka Pay' dibangunkan, sedia 18 perkhidmatan bayaran

SERI NEGERI - Kerajaan negeri membangunkan gerbang pembayaran bersepada menerusi 'Melaka Pay One-Stop Centre' atau dikenali 'Melaka Pay' yang mula beroperasi 1 April 2021.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, aplikasi itu dibangunkan menerusi Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) Jabatan Ketua Menteri untuk semakan dan pembayaran pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan.



**SOROTAN JULAI 2021****> 8 JUL 2021**

UMNO tarik sokongan terhadap Muhyiddin Yassin

KUALA LUMPUR – UMNO memutuskan untuk menarik balik dan menamatkan sokongan serta-merta terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) malam ini yang berlangsung secara maya selama lebih empat jam, bermula 8.30 malam, 8 Julai lalu.

**> 26 JUL 2021**

Berlatih di Kesang Tua, atlet Filipina raih emas Olimpik

TOKYO – Jaguh angkat berat, Hidilyn Diaz melakar sejarah baharu buat Filipina apabila menjadi atlet pertama negaranya meraih pingat emas pada temasya Sukan Olimpik 2020.

Menariknya kejayaan itu diraih selepas berlatih di sebuah bangsal usang di Kampung Kesang Tua, Jasin selepas terperangkap di negara ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**> 31 JUL 2021**

Anak Melaka raih pingat di Olimpik

ATLET badminton kelahiran Melaka, Aaron Chia bersama pasangan beregonya, Soh Wooi Yik, mengharumkan nama negara apabila menghadiahkan pingat gangsa dalam acara beregu lelaki di temasya Olimpik Tokyo 2020, 31 Julai lalu.

Kejayaan itu diraih selepas menewaskan beregu Indonesia, Hendra Setiawan – Mohammad Ahsan dalam penentuan tempat ketiga dan keempat, sekali gus menghadiahkan pingat pertama negara dalam temasya sukan terbesar dunia itu.

**SOROTAN OGOS 2021****> 11 OGOS 2021**

Sindiket jual darjah kebesaran palsu Melaka tumpas

AYER KEROH – Dua lelaki antara 34 individu ditahan diperdayai terbabit dalam sindiket pemalsuan darjah kebesaran kerajaan negeri yang dijual pada harga RM50,000 hingga RM100,000.

Beberapa siri serbuan dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Melaka me-nahan semua suspek berusia antara 26 hingga 70 tahun di negeri ini, Kuala Lumpur dan Selangor dalam operasi khas bermula 22 Februari hingga 29 Mac lalu.

**> 16 OGOS 2021**

Muhyiddin letak jawatan PM

PUTRAJAYA – Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini, memohon ampun dan maaf di atas segala kekhilafan dan kelemahannya sepanjang bergelar Perdana Menteri.

Ia susulan pengumuman peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri 16 Ogos lalu.

**> 20 OGOS 2021**

Ismail Sabri dilantik PM ke-9

PUTRAJAYA – Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan Ahli Parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob dilantik sebagai Perdana Menteri yang baharu.

**> 30 OGOS 2021**

Sulaiman terima kunjungan SUK baru Melaka

AYER KEROH – Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menerima kunjung hormat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Melaka Datuk Ts. Kamel Mohamad yang baharu dilantik di pejabatnya di Seri Negeri, 30 Ogos lalu.

**SOROTAN SEPTEMBER 2021****> 21 SEPT 2021**

Ketua Menteri umum inisiatif Transformasi Sejahtera 2035

SERI NEGERI – Kerajaan Melaka mengumumkan transformasi politik dan pentadbiran yang merentasi sempadan politik demi kestabilan negeri dan kebaikan rakyat Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata beliau membuat tawaran baharu atau “A New Deal” kepada barisan pembangkang negeri ini demi kestabilan poli-

tik, pemulihan ekonomi dan bagi mengekang wabak COVID-19.

**> 22 SEPT 2021**

Melaka lulus perubahan Perbadanan M-WEZ

SERI NEGERI – Rang undang-undang perubahan Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) diluluskan pada sidang Dewan Undangan Negeri 22 Sept lalu.

Seramai 16 Ahli DUN menyokong dan 11 tidak menyokong rang undang-undang melalui undian dengan mengangkat tangan, manakala seorang tidak hadir.

**MHI mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua pembaca yang beragama Islam**

## Rakyat diutamakan

- ✓ Sulaiman gariskan enam perkara kepada penjawat awam Melaka
- ✓ Rungutan rakyat perlu diambil serius
- ✓ Buka 72 PPV bagi capai sasaran 14,660 rakyat divaksin setiap hari
- ✓ Melaka sasar 180,000 pekerja kilang divaksin
- ✓ Penjawat awam Melaka sentiasa komited bantu rakyat 2,3&4

**MOVAK diperluaskan, mudahkan rakyat terima vaksin**

Fokus DUN: Bukit Katil 10 Lazada sohong permulaan termakan 18 Warisan rumah tradisional Melayu Melaka 20

**MELAKA HARI INI**

## Peluang bangkit semula pasca COVID-19

- ✓ Perbadanan M-WEZ diluluskan
- ✓ TS35 bukti utamakan rakyat
- ✓ Perkuuh tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah
- ✓ Melaka jangka masuk Fasa 3 pertengahan Okt
- ✓ Gaji guru JAIM tidak dipotong

BERITA PENUH MUKA 2,3,4,5,6,7

**Saran guna ejen pelancongan- MATTA** 8 **Waspada pembunuhan senyap nomor satu Malaysia** 22 **MPAG jaga kebersihan Pantai Pengkalan Balak** 21

## "Saya prihatin isu pandemik"

DALAM wawancara khas hari jadi Yang di-Pertua Negeri yang ke-72, Tun Mohd Ali menyentuh banyak perkara supaya Melaka dapat keluar dari pandemik.

- Kematiian kakak jadi iktbar
- Joging, banyak makan buah rahsia kesihatan

**Wawancara khas sempena hari jadi TYT yang ke -72**

**Ketua Menteri ucap tahniah atas pelantikan Ismail Sabri sebagai PM ke-9** 8

**Lakukan yang terbaik demi Malaysia** - Sulaiman

**'Selisih maut tempur komunis'** 36

**Dapatkan 16 muka sisipan khas hari jadi TYT yang ke-72**

**'Satu rumah, satu Jalur Gemilang'** 16 **Fokus DUN : Rim** 14 **Aaron impi beregu nomor satu dunia** 48



## SOROTAN OKTOBER 2021

► 5 OKT 2021

DUN Melaka bubar – Speaker

**SERI NEGERI** – Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bersetuju untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka berkuat kuasa 4 Okt 2021.

Pembubaran tersebut diumumkan Speaker DUN Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dalam satu sidang media khas di Seri Negeri.

► 5 OKT 2021

SPR terima notis rasmi pembubaran DUN Melaka

**KUALA LUMPUR** – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sudah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berhubung pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka penggal ke-14.

Setiausaha SPR, Datuk Ikmalrudin Ishak berkata, berdasarkan Fasal (4) Perkara 19 Perlembagaan Negeri Melaka, Pilihan Raya Negeri akan diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran.

► 10 OKT 2021

Boleh rentas negeri mulai 11 Okt - PM

**KUALA LUMPUR** - Mulai 11 Okt, kerajaan bersetuju membenarkan aktiviti rentas negeri bagi individu lengkap divaksin tanpa perlu memohon kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan dibuat mengambil kira data Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai kadar vaksinasi populasi dewasa di negara ini mencapai 90 peratus.

► 18 OKT 2021

PRN Melaka pada 20 Nov - SPR

**BANDAR MELAKA** – Pengundi Melaka akan mengundi pada 20 November untuk Pilihan Raya Negeri (PRN), manakala hari penamaan calon ditetapkan pada 8 November, kata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

► 21 OKT 2021

Anggota bomba bantu mangsa banjir di Sungai Putat meninggal dunia

**AYER KEROH** – Anggota bomba yang kritikal selepas dibawa arus deras ketika membantu mangsa banjir di Sungai Putat, disahkan meninggal dunia.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka Abu Bakar Katain dalam satu kenyataan berkata, mangsa Mohd Diya Che Jusoh, 46 telah meninggal dunia pada jam 3.11 pagi di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka.

► 29 OKT 2021

Bajet 2022: Kerajaan peruntuk RM332.1 bilion

**PUTRAJAYA** - Kerajaan memperuntukkan RM332.1 bilion untuk Bajet 2022, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Ia sekali gus menjadi nilai tertinggi ber-

banding bajet-bajet sebelum ini.

Beliau berkata jumlah itu merangkumi RM233.5 bilion bagi belanja mengurus, RM75.6 bilion untuk belanja pembangunan dan RM23 bilion untuk Kumpulan Wang COVID-19.

## SOROTAN NOVEMBER 2021

► 3 NOV 2021

Melaka lancar Bas Penyayang, percuma buat 33,000 golongan sasar

**BANDARAYA MELAKA** - Kerajaan negeri memperuntukkan RM985,000 untuk program Bas Penyayang iaitu program bas percuma yang dilancarkan pada 3 Nov 2021.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, program itu akan memanfaatkan lebih 33,000 golongan sasar membabitkan Orang Kurang Upaya (OKU), penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), penerima bantuan asnaf dan fakir miskin.

► 8 NOV 2021

112 calon bertanding PRN Melaka

**AYER KEROH** – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menerima 112 kertas pencalonan untuk bertanding di 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 20 Nov ini selepas tempoh penamaan berakhir jam 10 pagi tadi, 8 Nov 2021.

Pengerusi SPR Datuk Abdul Ghani Salleh berkata daripada jumlah itu 96 calon adalah lelaki manakala 16 lagi calon wanita.

Beliau berkata, daripada 112 calon itu, tiga parti iaitu Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN) menampilkan seramai 28 calon, manakala Parti Bumi-putera Perkasa Malaysia (Putra) dengan lima calon, satu calon daripada Parti Perikatan India Muslim Nasional (Iman) dan 22 calon Bebas.

► 10 NOV 2021

BN lancar manifesto 'Kestabilan Demi Kemakmuran'

**AYER KEROH** – Barisan Nasional (BN) melancarkan manifesto bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang bertemakan 'Kestabilan Demi Kemakmuran'.

Manifesto itu telah dilancarkan oleh Timbalan Pengerusi BN merangkap Pengarah Pilihan Raya PRN Melaka, Datuk Seri Mohamad Hasan secara hibrid yang dipancarkan dari Taman Botanikal, pada 10 Nov 2021.

► 17 NOV 2021

Ghafaar Atan meninggal dunia

**AYER KEROH** – Bekas Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan meninggal dunia pada 17 Nov 2021.

Allahyarham yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan meninggal dunia di Hospital Melaka pada usia 65 tahun akibat komplikasi selepas dijangkiti COVID-19. Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Kampung Asahan pada jam 6.58 petang.

► 18 NOV 2021

Melaka United cipta sejarah ke separuh akhir Piala Malaysia

**KELAB** Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) melakar sejarah baru apabila berjaya menempah tiket ke separuh akhir Piala Malaysia pada edisi ke-100 tahun ini.

Kemenangan tipis 2-1 ke atas Sabah malam tadi, cukup untuk membantu kemenangan skuad Hang Tuah dengan agregat 3-1, sekaligus menamatkan penantian 38 tahun pasukan mara ke separuh akhir selepas kali terakhir melakukannya pada 1983.

► 20 NOV 2021

BN menang besar PRN Melaka

**MELAKA** - Barisan Nasional (BN) sah memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka penggal ke-15 selepas menang 21 daripada 28 kerusi dipertandingkan sekali gus mempunyai majoriti dua pertiga untuk membentuk kerajaan.

► 20 NOV 2021

Sulaiman angkat sumpah Ketua Menteri Melaka

**SERI NEGERI** – Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka selepas Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk kerajaan negeri.

Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia serta Sumpah Simpan Rahsia berlangsung di hadapan Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam di Pejabat Yang di-Pertua Negeri Melaka di Dewan Seri Utama kira-kira jam 12.58 tengah malam.

► 26 NOV 2021

Melaka umum 10 Exco baharu

**AYER KEROH** – Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengumumkan 11 portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Melaka yang baharu.

Portfolio itu didahului dengan Sulaiman yang memegang portfolio Perancangan Ekonomi, Kewangan, Pembangunan Tanah, Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Hal Ehwal Agama, bersama dua muka lama iaitu Datuk Rahman Mariman dan Datuk Muhammad Jai-lani Khamis dikekalkan.

Seramai 140 muka baharu dilantik memegang jawatan Exco di negeri ini, didahului Datuk Seri Ab Rauf Yusoh yang memegang posisi Exco Kanan Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan.

## SOROTAN DISEMBWER 2021

► 3 DIS 2021

Kes pertama varian Omicron dikesan di Malaysia

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan kes pertama positif varian Omicron membabitkan seorang pelajar institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di pintu masuk antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, sejak penularan varian itu yang diumumkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 24 Nov lalu, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah mula menjalankan ujian PCR Genotyping Assay ke atas semua sampel positif yang disaring di pintu KLIA.

► 9 DIS 2021

PKRC MITC dilanjutkan sehingga Jun tahun depan

**AYER KEROH** - Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di Pusat Dagangan Antara-bangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh akan dilanjutkan untuk tempoh enam bulan lagi, kata Exco Kesihatan Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, perkara itu telah diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) memandangkan tempoh sewaan PKRC itu akan tamat pada 19 Dis lalu.

► 12 DIS 2021

Melaka perkenal 'bot cinta'

**PENGKALAN RAMA** – Melaka River Cruise (MRC) memperkenalkan paket bot 'Everlasting Love' buat pasangan yang mahu meraka sam-butan hari istimewa mereka secara romantik mengelilingi Sungai Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, menerusi paket tersebut ia bakal menjadikan Melaka sebagai lokasi bulan madu romantik buat pasangan dari dalam dan luar negara.

► 15 DIS 2021

KM, EXCO dan ADUN BN Melaka lafaz ikrar bebas rasuah

**JOHOR BAHRU** – Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama semua kepimpinan kerajaan negeri, menyempurnakan lafaz ikrar Bebas Rasuah, 15 Dis lalu.

Lafaz ikrar itu turut disertai semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) Melaka.

► 18 DIS 2021

Beberapa negeri dilanda banjir besar

**MELAKA** - Hujan lebat yang berterusan sejak 17 Dis menyebabkan beberapa kawasan di beberapa negeri telah dinaiki air dan jumlah mangsa banjir yang dipindah ke pusat pemindahan sentral (PPS) terus mencatatkan peningkatan.

Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan menjadi negeri terbaharu yang dilanda banjir selain Kelantan, Pahang dan Terengganu.

► 26 DIS 2021

Melaka lapor kes Omicron pertama

**AYER KEROH** - Satu kes Covid-19 varian Omicron dikesan di Melaka membabitkan seorang wanita warganegara yang baharu pulang dari mengerjakan umrah baru-baru ini.

Exco Kesihatan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, wanita berusia 34 tahun itu berada di negara Arab Saudi bersama suaminya serta ahli keluarga pada 4 hingga 15 Dis lalu.

► 27 DIS 2021

Ibrahim, Dira dilantik Speaker, Timb Speaker DUN Melaka

**SERI NEGERI** - Bekas Exco, Datuk Wira Ibrahim Durum dilantik menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Persidangan Pertama (Khas), Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Kelima Belas.

Manakala anak bekas Ketua Menteri Datuk Khairiah Abu Zahar atau lebih dikenali sebagai Dira dilantik Timbalan Speaker DUN yang baharu.

► 27 DIS 2021

Bajet 2022 Negeri Melaka diluluskan

**SERI NEGERI** – Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka sebulat suara meluluskan Bajet 2022 Negeri Melaka pada Persidangan Pertama (Khas) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Ke-15 Tahun 2021, 27 Dis lalu.

Bertemakan 'Stabil Melaka, Makmur Bersama', bajet itu telah dibentangkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Bajet inklusif kali ini menumpukan kepada tiga fokus utama iaitu kesejahteraan rakyat, kemampunan ekonomi dan kecekapan tadbir urus.

# Sukan

MELAKA HARIINI

E-SUKAN menjadi antara sukan yang mendapat peruntukan dalam Bajet 2022 Negeri Melaka (Gambar hiasan).



## e-Sukan dapat tempat di Melaka

**INISIATIF** kerajaan negeri untuk pembangunan e-Sukan dalam Bajet Melaka 2022 dilihat seiring dengan langkah Melaka menuju era digitalisasi, sekaligus memacu sukan elektronik ke peringkat lebih tinggi.

Setiausaha Persatuan Sukan Elektronik Melaka (MEA), Hafizuddin Othman menyambut baik pembentangan Bajet Melaka 2022 yang mengumumkan peruntukan RM200,000 bagi penganguran program e-sukan di negeri ini.

Katanya, lebih menggembirakan, peruntukan itu juga melibatkan pembangunan untuk mewujudkan pusat sukan e-sukan di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Terima kasih kerajaan negeri, hal ini sekali gus membuktikan kerajaan negeri lebih bersifat inklusif dan holistik dalam menyokong perkembangan bakat dan pembangunan ekosistem e-sukan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Hafizuddin berkata, sokongan kerajaan terhadap perkembangan e-sukan di Melaka akan diperluaskan menerusi pelbagai kejohanan untuk mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan tersebut.

Bagaimanapun, Hafizuddin menegaskan persepsi bahawa e-sukan hanya sekadar hiburan semata-mata perlu diubah, sebaliknya ia harus dilihat sebagai industri yang mampu merancakkan ekonomi negeri dan negara.



HAFIZUDDIN.

"MEA turut bertanggungjawab untuk memastikan ada landasan atau jambatan antara golongan yang faham dan tidak faham apa itu e-sukan," katanya.

Pada 27 Disember, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengumumkan pusat sukan 'e-sport' dan 'extreme sport' akan diwujudkan di setiap kawasan pusat berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Selain itu, beliau turut mengumumkan peruntukan RM200,000 bagi penganguran program e-sukan di negeri ini.

Katanya, inisiatif serta insentif tersebut merupakan antara agenda dalam memacu belia sebagai tonggak masa depan negara.

## Pemain Golf UTeM menang Rabbits Trophy 2021

**EMPAT** orang pemain golf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus bersinar di pentas Kejohanan Rabbits Trophy 2021, baru-baru ini.

Kejohanan tahunan anjuran Ayer Keroh Country Club (AKCC) itu telah disertai oleh Mohd Farriz Basar, Asnor Hadi Azian, Hazril Abdul Wahab dan Md Shahrul Nizam Md Irham.

Menariknya, penyertaan pada kali ini membawa hasil apabila dua orang pemain golf UTeM telah berjaya menempatkan diri sebagai pemenang dalam kejohanan tersebut.

Pada edisi kali ini, Mohd Farriz telah dinobatkan sebagai Johan dan merangkul Rabbits Trophy 2021 sekali gus pulang piala pusingan, plaque dan baucer barang golf.

Mohd Farriz yang juga merupakan Timbalan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UTeM berkata, kemenangan ini adalah hasil latihan bersama-sama pemain UTeM yang lain.

"Sebelum kejohanan bermula, saya sedikit bimbang kerana telah hampir dua tahun tidak bermain dengan serius disebabkan Perintah Pergerakan Kawalan (PPK) dan pandemik COVID-19."

"Namun, latihan intensif bersama-sama pemain golf UTeM yang lain selama dua bulan sebelum kejohanan bermula, telah membantu saya untuk bermain dengan baik dan menang pada hari ini," katanya.

Untuk rekod, Mohd Farriz adalah pemain UTeM pertama yang merangkul Rabbits Trophy semenjak ia dilangsungkan kali pertama pada tahun 1966.

Sementara itu, Asnor Hadi pulalah meraih tempat ke-3 dalam Rabbits Trophy pada edisi kali ini.

Kemenangan itu membolehkan beliau membawa pulang plaque dan baucer barang golf.



MOHD Farriz menunjukkan hadiah kemenangan Rabbits Trophy 2021 yang diraih di AKCC Ayer Keroh.